

Latar Belakang Sejarah Sistem Pendidikan dan Masyarakat Majoriti Minoriti di Malaysia

Nur Atiqah Tang Abdullah & Ong Puay Liu
Institut Kajian Etnik (KITA), UKM

Abstrak

Berdasarkan latar belakang sejarah, Malaysia merupakan sebuah negara berkepelbagaian etnik yang telah melalui proses ‘pecah dan perintah’ pihak penjajah. Justeru itu, aspek etnik dan masyarakat merupakan satu realiti yang telah mempengaruhi ruang pendidikan sehingga terbentuknya sistem pendidikan vernakular. Pada masa sama, pendidikan turut memainkan peranan penting menjayakan idea perpaduan etnik yang mengimpikan satu ‘Bangsa Malaysia’. Bab ini akan membincangkan latar belakang sejarah pendidikan di negara ini menggunakan pendekatan sosiologikal berdasarkan sumber dokumen seperti Laporan Barnes 1950, Laporan Fenn Wu 1952, Laporan Pelajaran Razak 1956 dan Laporan Pelajaran Rahman Talib 1960 dengan meneliti aspek masyarakat majoriti dan minoriti di dalam ruang pendidikan. Pembentukan sistem pendidikan di Malaysia jelas merupakan kesan kewujudan masyarakat plural dan pelaksanaan ilmu kolonial sebelum zaman kemerdekaan dan sistem tersebut telah dipengaruhi oleh hasrat masyarakat majority Melayu serta minoriti bukan Melayu untuk mengekalkan bahasa ibunda masing-masing sebagai induk kepada identiti etnik mereka.

Kata kunci: Sistem Pendidikan Kebangsaan, Sekolah Vernakular, Bangsa Malaysia

Pengenalan

Pendidikan sebagai satu institusi sosial masyarakat tidak pernah menjadi sebahagian tumpuan utama pihak penjajah di Tanah Melayu, sebagaimana dasar ekonomi atau politik. Setiap dasar pendidikan di era tersebut terhasil akibat proses kolonialisme itu sendiri. Oleh sebab itu, penelitian berkaitan pendidikan tempatan dan pengaruh kolonialisme pada akhirnya menunjukkan bahawa dasar pendidikan era kolonialisme dibentuk dan dilaksanakan semata mata atas tujuan yang tidak menjaga kepentingan penjajah (Kumar, 2005). Walaupun pelaksanaan dasar pendidikan kolonial hanya merupakan hasil dari proses kolonialisme, ia tidak pula dilaksanakan secara tergesa-gesa tetapi telah dirancang dengan teliti. Kesediaan pihak kolonial untuk menyediakan pendidikan bukan sesuatu yang mudah. Bagi memastikan kelancaran pentadbiran politik dan keuntungan ekonomi, pihak penjajah bukan sahaja memisah-misahkan ke tiga-tiga kumpulan etnik ini mengikut kegiatan ekonomi tetapi juga membiarkan aliran pendidikan yang berbagai. Malah di kalangan orang Melayu sendiri, pihak penjajah telah membina *dualisme* pendidikan bila memperkenalkan sistem pendidikan Inggeris untuk kumpulan elit, manakala sekolah Melayu disediakan untuk anak-anak Melayu di kalangan kelas sederhana dan bawahan. Malah sekolah agama seperti pondok dan madrasah dipinggirkan dalam dasar pendidikan Inggeris. Pendidikan aliran agama Islam terpaksa bersendirian memastikan kelangsungannya di dalam masyarakat Melayu khususnya di kawasan luar bandar dan kampung tradisi Melayu. Pertambahan bilangan sekolah aliran Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil akibat dasar “*laissez-faire*” pendidikan di Tanah Melayu menyebabkan pihak kolonial sudah tidak lagi mempunyai keupayaan untuk menyusun semula

semua aliran persekolahan ini menjadi satu sistem pendidikan yang selaras (Haris:2004). Selain itu, pihak kolonial juga pada masa yang sama tidak begitu bersedia untuk membuat sesuatu perubahan dasar dalam pendidikan jika perkara itu tidak memberikan keuntungan politik dan ekonomi kepada pihak mereka. Malah sikap “tidak ambil peduli” pihak kolonial terhadap perkembangan pendidikan juga membuktikan mereka telah mengamalkan dasar pecah dan perintah bukan sahaja dalam bidang politik dan ekonomi tetapi juga dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu.

Pendidikan Masyarakat Melayu

Perkembangan pendidikan orang Melayu di negara ini pada peringkat awalnya adalah dalam bentuk yang tidak formal dan ia mempunyai perkaitan yang rapat dengan sejarah perkembangan dan penyebaran Islam di Tanah Melayu. Sarjana pendidikan tempatan bersetuju bahawa bentuk pendidikan yang terawal diterima oleh masyarakat Melayu adalah hasil pengaruh agama Islam, Hindu dan Buddha. Catatan sejarah menunjukkan kehadiran pedagang dari Cina, Arab dan India ke kawasan nusantara pada awal abad ke 14 telah memelopori usaha penyebaran Islam melalui institusi pendidikan pondok dan institusi madrasah yang kemudiannya berkembang luas ke merata jajahan takluk kesultanan Melayu seperti di Melaka, Riau, Brunei, Kedah, Kelantan dan lain-lain (Zainal, 2007). Kehadiran para pendakwah Arab dan India menyebarkan agama Islam pada abad ke-14 telah membawa bersama satu sistem pendidikan Islam tidak formal di Tanah Melayu. Sebelum kedatangan pihak kolonial, orang-orang Melayu sebenarnya telah mempunyai bentuk sistem pendidikan mereka sendiri berlandaskan pendidikan agama Islam. Pengajian Al-Quran menjadi institusi pendidikan yang penting ketika itu.

Pada peringkat awal, rumah dijadikan sebagai tempat belajar dan mengajar Al-Quran dan secara tidak langsung telah menjadikan 'sekolah Islam' yang pertama (Hassan Langgulung, 1986). Corak pendidikan yang ada pada ketika itu ialah pengajaran Al-Quran, akhlak yang baik, pengetahuan kerohanian dan seni mempertahankan diri. Bermula dengan pengajaran agama Islam bagi tujuan berdakwah di perkarangan istana dan rumah para pembesar Melayu, para pendakwah ini kemudiannya memainkan peranan sebagai guru-guru agama Islam untuk masyarakat Melayu. Perkembangan Islam di Malaysia merupakan satu proses asimilasi yang bersifat '*embedded*' di mana agama Islam yang diamalkan ketika peringkat awal sebenarnya telah menerima pengaruh nilai dan norma kehidupan masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam terutamanya pengaruh Hindu-Buddha dan kemudiannya selepas kedatangan Islam khususnya pengaruh kolonialisme (Shamsul.2011). Secara sejarahnya, pedagang Arab yang menjelajah ke Timur merupakan pendakwah yang memainkan peranan besar dalam perkembangan pendidikan Islam di negara ini. Sejarah pendidikan Islam di Malaysia bermula dari kurun ke-10 dan ke-15 Masihi apabila para pedagang ini sampai ke Kepulauan Melayu.

Terdapat tiga peringkat perkembangan pendidikan agama Islam di Malaysia, iaitu pendidikan sejak kedatangan Islam sehingga kedatangan penjajah Barat, pendidikan era penjajahan, dan pendidikan era pembaharuan Islam. Pendidikan agama era kedatangan Islam menyaksikan Pendidikan Islam tidak menghadapi persaingan dalam perkembangannya di alam Melayu. Namun, bermula era kedatangan penjajah Barat Pendidikan Islam mula disaingi dengan satu pendidikan bentuk baru yang sekular. Rentetan daripada sistem dualisme yang diperkenalkan oleh Barat, maka muncul tokoh-tokoh ulama yang memperkenalkan satu sistem baru pendidikan yang menyaingi bentuk pendidikan yang diperkenalkan oleh Barat. Pendidikan agama khususnya

yang berbentuk bukan formal dipercayai telah berkembang bersama-sama dengan penyebaran agama Islam di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu serta Kepulauan Melayu pada abad keempat belas.

Pedagang-pedagang Arab dan India yang beragama Islam datang ke kawasan Asia Tenggara telah menyebarkan agama Islam dan merupakan pelopor yang telah memulakan usaha-usaha pendidikan bukan formal dengan cara membina sekolah-sekolah pondok di Perlis, Kedah, Melaka, Terengganu, Kelantan dan Brunei. Perluasan empayar kesultanan Melayu Melaka, Riau dan Brunei pada kurun kelima belas telah turut mengembangkan agama Islam di negeri-negeri jajahan takluk kesultanan tersebut. Perkembangan pendidikan Islam telah mengalami beberapa tahap perkembangan seperti: Institusi Rumah Imam atau Guru, Institusi Pondok, Institusi Madrasah, (Lihat misalnya Zawawi, (1984): Haron Din & Salamon (1988), Rahmat Saripan (1989). Sebelum wujudnya sistem persekolahan, pendidikan Islam berlangsung di rumah guru yang berkebolehan dalam bidang agama seperti imam atau guru yang terdiri daripada mereka yang datang dari negara Arab, Parsi, dan India (Ahmad Kilani 2003).

Pengajian Al-Quran bermula di rumah yang mana kanak-kanak diajar oleh ibu bapa sendiri dan kemudiannya belajar di rumah Tuk Guru. Pendidikan Islam di peringkat awal untuk kanak-kanak Melayu dikatakan bermula sejak umur mereka enam tahun di dalam kelas Al-Quran di mana mereka diajar tentang cara adab santun, kemahiran membaca doa dan mengaji Al-Quran. Pendidikan Islam di rumah guru biasanya diberi sesudah sembahyang Subuh, Zuhur dan Maghrib (Mohd. Yusoff, 1986). Sebagai panduan untuk mula membaca Al-Quran, murid diajar mengenali huruf jawi, menghafal dan mengenal huruf Al-Quran. Pelajaran yang diberikan hanyalah pelajaran asas agama Islam, iaitu kemahiran membaca Al-Quran, cara-cara bersolat, berpuasa dan perkara-perkara penting yang lain, termasuklah cara-cara bersuci, penentuan benda-benda halal, haram, dosa dan pahala (Awang Had, 1980). Pengajian ini merupakan pendidikan secara tidak formal dan telah berkembang dengan pesat khususnya sebelum Perang Dunia Kedua. Pengajian di rumah guru agama telah menjadi terkenal sehingga timbulnya masalah kesempitan ruang untuk belajar kerana jumlah murid yang telah meningkat. Lantaran itu, masyarakat sekitar telah mengambil inisiatif untuk mendirikan surau-surau berhampiran dengan rumah guru agama.

Inisiatif ini akhirnya menjadikan surau sebagai pusat utama untuk para pelajar meneruskan pengajian al-Quran di samping beberapa pengajian asas dalam pendidikan Islam seperti cara-cara beriadah, berpuasa, berzanji dan sebagainya. Secara langsung, surau telah dijadikan institusi pendidikan tidak formal dan ini merupakan sistem pengajian paling awal diperkenalkan ke Tanah Melayu. Menerusi pengajian surau, anak-anak masyarakat Melayu ketika itu mempelajari kitab-kitab usul yang membicarakan zat Allah, sifat-sifat Allah; mempelajari hukum hakam Islam dan mempelajari pelbagai ilmu dan hikayat yang boleh menambah ilmu pengetahuan dan dapat mengambil iktibar dari pelajaran (Hassan Langgulong 1986).

Sistem pondok di Tanah Melayu dipelopori oleh ulama-ulama serta pelajar-pelajar lepasan pondok dari Patani yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Buktinya, terdapat banyak kitab-kitab agama yang dihasilkan oleh ulama-ulama dari Patani seperti Sheikh Daud al-Fatani; guru-guru pondok yang menerima latihan dan pendidikan dari Patani serta faktor sejarah negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu yang berada di bawah naungan kerajaan Siam sehingga tahun 1899 (Sobri Salamon 1988; Abdullah Jusuh 1989; Badriyah 1984). Meskipun terpaksa menghadapi banyak masalah dan cabaran ekoran dari peredaran zaman dan pengenalan

sistem pendidikan sekular, masih terdapat pondok yang terus bertahan dan berfungsi dengan baik seperti di Kelantan dan Kedah sehingga hari ini. Namun kedudukannya makin berkurangan akibat arus moden dan dasar pendidikan negara yang berubah mengikut keperluan pendidikan semasa. Sistem sekolah pondok merupakan tempat pelajaran agama berasingan daripada kawasan tempat tinggal masyarakat. Di sini pelajar akan diajar dengan ilmu agama secara aktif dan menghafal Al-Quran secara intensif.

Penjajah Inggeris tidak mempunyai dasar yang jelas berkaitan pendidikan Islam di Tanah Melayu. Ini memberi peluang untuk anak-anak muda Melayu yang kembali belajar dari Timur tengah untuk memulakan sistem pendidikan yang diambil dari Timur tengah untuk dikembangkan di Tanah Melayu. Anak Muda yang beraliran Kaum Muda ini kemudiannya telah memperkenalkan *Pendidikan Madrasah* bagi menyaingi sekolah-sekolah sekular Inggeris selain memperjuangkan kemajuan bangsa Melayu dalam pendidikan. Perkembangan pesat Sekolah Inggeris dan vernakular Melayu telah menimbulkan kebimbangan kepada golongan kaum muda dan aliran pendidikan agama kerana mereka bimbang sekolah-sekolah tersebut akan menyebarkan ideologi sekularisme yang dapat mengancam Agama Islam dan budaya Melayu.

Sistem pendidikan madrasah mempunyai perbezaan dengan sistem pendidikan pondok terutama daripada segi sistem pembelajaran yang teratur. Di dalam sistem madrasah, cara pengajaran menyerupai sekolah sekular serta mempunyai kemudahan seperti pembahagian kelas, kewujudan jadual waktu dan pelajaran akademik. Namun, bahasa Arab kekal sebagai bahasa pengantar tetapi segala peluang diberikan bagi pelajar-pelajar mempelajari bahasa Inggeris dan juga subjek-subjek 'moden' seperti sains dan matematik (Abdullah Sani Yahaya, 2003). Bermula dari awal kurun ke-20, lahir gerakan pemuliharaan Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis untuk membawa kemajuan kepada umat Islam di Tanah Melayu. Antara mereka yang giat dalam gerakan ini ialah Sayyid Sheikh al-Hadi, Sheikh Tahir Jalaluddin dan Haji Abas Mohd Taha yang mendapat pendidikan dari Mesir. Tokoh-tokoh ini menyatakan kemunduran orang Melayu adalah kerana tidak mengikut ajaran Islam sebenar sebaliknya mengamalkan ajaran bercampur aduk dengan adat dan kepercayaan yang bercanggah dengan Islam. Mereka yang bergiat dalam gerakan ini dikenali sebagai kaum Muda. Mereka menggesa masyarakat Melayu menggunakan akal dalam menentukan kebenaran dan memberi kebebasan kepada wanita dalam pendidikan.

Pengajian di Sekolah Agama Madrasah lebih kemas dan teratur berbanding sekolah pondok, mempunyai organisasi tersusun, waktu belajar yang tetap, kurikulum moden, pembelajaran lebih berstruktur, pembahagian kelas kepada bilik-bilik darjah, menyediakan pakaian seragam serta asrama.. Menggunakan Pembaharuan sebenar dalam pendidikan Madrasah telah berkembang dari pemikiran Za'ba (Shahril Marzuki, 1999). Za'ba menyarankan supaya setiap negeri-negeri di Tanah Melayu perlu menubuhkan madrasah dalam pendidikan mereka berdasarkan sifat madrasah yang bersifat maju dan moden dari kurikulum dan pentadbiran berbanding dengan sistem pondok. Perkembangan pendidikan Melayu dalam agama diperluaskan melalui madrasah yang memiliki kesempurnaan ilmu agama dan ilmu dunia pada ketika itu. Dalam kerangka tersebut, keseimbangan kedua-dua ilmu dapat dipelajari oleh orang-orang Melayu selain pendidikan aliran Inggeris dan kolej-kolej yang diselia oleh British. Sistem madrasah ini membawa pembaharuan dan kemajuan dalam pendidikan Melayu, terutamanya pelajaran orang-orang Melayu dapat dipertingkatkan ke peringkat yang tinggi, seiring dengan hasrat perjuangan Za'ba dalam memartabatkan orang-orang Melayu dalam pendidikan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Adnan Nawang (1998). Penubuhan madrasah turut menuntut peranan kerajaan-

kerajaan negeri untuk melihat keperluan mengubah pendidikan Islam mengikut aliran zaman supaya pembaharuan dari sistem pendidikan lama bercorak pondok ke sistem pendidikan baru bercorak madrasah.

Menurut Ahmad Kilani (2003), dalam situasi kemajuan sekolah sekular, kewujudan sekolah agama atau madrasah semakin terbiar. Pihak penjajah dengan dasar “hal-hal agama adalah hak raja-raja negeri” telah melupakan sama sekali kewujudan madrasah-madrasah (sekolah agama atau Arab) dan hiduplah sekolah-sekolah tersebut melalui biaya Majlis atau Jabatan-jabatan Agama Islam negeri masing-masing. Akibatnya kemudahan untuk pelajar adalah terhad. Basiswa untuk melanjutkan pengajian Islam di luar negara seperti Universiti Al-Azhar tidak disediakan. Kurikulum antara negeri berbeza dan peperiksaannya dikendalikan oleh pihak berkuasa negeri masing-masing (Zainal Abidin, 1995). Sekolah-sekolah Inggeris sama ada oleh kerajaan atau mubaligh telah membuka pintu kepada anak-anak Melayu khususnya anak-anak orang berada di bandar-bandar. Proses sekularisasi pendidikan anak-anak Melayu terus berlaku dengan pesat. Dalam situasi kemajuan sekolah sekular, sekolah-sekolah agama terbiar. Pihak penjajah dengan taktik ‘hal-hal agama adalah hak Raja-raja Negeri’ telah melupakan sama sekali kewujudan sekolah-sekolah agama atau Arab. Sekolah-sekolah ini bergantung kepada pembiayaan Majlis atau Jabatan-Jabatan Agama Islam negeri masing-masing. Akibatnya kemudahan belajar terhad, biasiswa tidak diberikan dan kurikulum berbeza. Peperiksaan dikendalikan secara persendirian. Pengiktirafan sijil juga berbeza. Maka, wujud jurang pemisah antara golongan “moden-pro barat” yang meneruskan sistem pendidikan sekular dan golongan “tradisional” yang mahukan pendidikan Islam. Malah golongan moden dikatakan paling berpengaruh kerana terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan sistem pendidikan negara. Sebaliknya, golongan tradisional dikatakan kurang berpengaruh dan tidak ada kuasa dalam merencanakan dasar pelajaran negara. Pembukaan sekolah Inggeris kepada orang Melayu telah menyebabkan bangsa Melayu berpecah kepada dua golongan. Setelah merdeka, sekolah agama atau madrasah yang sesetengahnya terkenal dengan panggilan Sekolah Arab menghadapi cabaran di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu kelahiran dasar pelajaran kerajaan pasca merdeka hasil tinggalan penjajah mengakibatkan akhirnya sekolah agama atau madrasah menjadi lumpuh (Ahmad Kilani, 2003).

Dasar pelajaran kebangsaan memberi gambaran yang amat berbeza dengan perspektif dan sistem pelajaran madrasah, iaitu jaminan ekonomi lebih jelas bagi para pelajar berkelulusan sekolah kerajaan. Ekonomi merupakan satu faktor yang amat besar dalam kehidupan masyarakat, maka tidak hairanlah ibu bapa lebih tertarik menghantar anak ke sekolah kerajaan. Sekolah agama atau madrasah menjadi lemah kerana kekurangan pelajar dan sumber kewangan. Ini memberi peluang kepada kerajaan untuk mengambil alih dan seterusnya mengubah suai kurikulumnya supaya selari dengan dasar baru kerajaan. Pendidikan Islam telah berjalan secara bebas tanpa campur tangan pihak kerajaan sehinggalah wujudnya Satu Jawatankuasa khas telah dibentuk bagi menyusun dan melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan (Penyata Razak) pada bulan Ogos 1955 (1956) dan kemudiannya diikuti dengan Penyata Rahman Talib (1960). Dalam kedua-dua penyata tersebut, Pendidikan Islam telah diletakkan bersama di dalam sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dasar ini bertujuan menyatupadukan kaum-kaum di Tanah Melayu di samping menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan serta mengkaji semula sistem pelajaran, termasuk Undang-undang Pelajaran Tahun 1952. Hasil penguatkuasaan penyata tersebut lahirlah satu

institusi baru yang beraliran kebangsaan terkenal sebagai 'Sekolah Menengah Kebangsaan'. Institusi ini juga tidak ketinggalan memberi peruntukan bagi mendaftarkan pelajaran Agama Islam. Mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam dicadangkan supaya dimasukkan ke dalam senarai mata pelajaran untuk Sijil Rendah Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu. Peruntukan khas tentang pelajaran agama Islam dalam Laporan tersebut merupakan suatu langkah baru yang praktikal bagi menyusuli peruntukan khas tentang agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Dari segi kenyataan Ordinan Pelajaran 1957 memperkukuhkan kedudukan pelajaran Agama Islam di sekolah bantuan kerajaan tetapi dari segi pelaksanaannya, Seksyen 49 itu menghadapi kesulitan. Oleh itu pelaksanaannya tidak dapat berjalan dengan licin. Seterusnya, di dalam Akta 1961 Seksyen 36, yang dikekalkan dan diguna pakai dalam Akta 1996: Guru Agama yang telah mendapat kebenaran layak dan bertanggungjawab mengajar Agama Islam. Namun bilangan yang beragama Islam harus berjumlah 15 orang murid atau lebih. Tempoh masa minimum yang diperuntukkan untuk mengajar mata pelajaran tersebut ialah dua jam seminggu. Mata pelajaran tersebut biasanya diajar pada waktu persekolahan. Pengajaran pada waktu yang lain hanya akan dibenarkan dengan mendapatkan kelulusan daripada Menteri Pelajaran.

Menurut seksyen 50 (1), pengajaran Agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri akan dijalankan apabila terdapat 5 orang murid atau lebih yang menganut Agama Islam. Pengajaran dilakukan sekurang-kurangnya selama dua jam seminggu pada waktu pengajaran biasa atau waktu lain yang ditetapkan oleh Menteri Pendidikan dalam hal atau keadaan tertentu [Seksyen 50(2)]. Seksyen 51 pula menyatakan bahawa pengelola bagi sesebuah institusi pendidikan bantuan kerajaan boleh mengadakan pengajaran agama selain Agama Islam tertakluk kepada syarat aktiviti pengajaran tersebut tidak boleh dibiayai dengan wang yang diperuntukkan oleh Parlimen [seksyen 51(a)]. Selain itu, mengikut [seksyen 51(b)] tiada murid yang boleh mengikuti pengajaran agama selain agama yang dianutinya kecuali dengan kebenaran bertulis ibu bapanya. Sukatan mata pelajaran agama Islam yang pertama untuk sekolah bantuan kerajaan telah disusun pada tahun 1959. Di dalam Syor Penyata Abdul Rahman Talib 1960, perkara berkaitan perbelanjaan dinyatakan secara terperinci iaitu segala perbelanjaan berkaitan pelajaran agama Islam ditanggung oleh Kementerian Pelajaran. Berdasarkan cadangan tersebut, Akta Pelajaran 1961 telah mengadakan peruntukan berkaitan kewangan selain mewajibkan sekolah-sekolah bantuan kerajaan mengadakan pelajaran agama Islam kepada murid-murid selama dua jam seminggu sekiranya di sekolah tersebut terdapat seramai 15 orang murid Islam atau lebih (Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011).

Pada tahun 1962 iaitu tahun Akta Pelajaran 1961 mula dikuatkuasakan, pelajaran agama Islam telah diadakan dalam jadual waktu pelajaran biasa kepada murid-murid yang beragama Islam dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran sebanyak 120 minit seminggu. Ia telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja dan dilaksanakan mulai dari tahun 1962 hingga 1967. Pada tahun 1967, sukatan pelajaran pendidikan Islam sekali lagi disusun oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada wakil Kementerian Pelajaran, Kolej Islam dan Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri. Sukatan tersebut telah disemak oleh jawatankuasa peringkat Kementerian Pelajaran sebelum dikemukakan kepada Majlis Penasihat Raja-Raja Melayu yang mengandungi wakil-wakil daripada pihak berkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kerajaan Negeri (Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011). Sukatan tersebut kemudiannya dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja pada bulan April 1967 dan disiarkan dalam Warta Kerajaan. Sukatan tersebut mula

dilaksanakan di sekolah-sekolah bantuan kerajaan mulai awal sesi persekolahan tahun 1968. Sebelum Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan, subjek Pendidikan Islam tidak wajib diambil dalam peperiksaan seperti peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) walaupun ianya wajib dipelajari (Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011).

Desakan pelbagai pihak yang mahu pendidikan Islam kembali ke dalam sistem pendidikan Malaysia menyebabkan ianya digubal selepas merdeka. Sistem itu diguna pakai sehingga ke hari ini iaitu meletakkan matlamat pendidikan negara dengan pernyataan “bertujuan melahirkan insan seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan”. Sistem ini diharapkan “dapat melahirkan ciri-ciri rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, bertanggungjawab, berakhlak, dan berketerampilan yang dapat memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara”. Ini merupakan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang kemudiannya menjadi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang telah menjelmakan kembali pendidikan Islam dalam sistem pendidikan negara (Ahmad Kirani, 2003). Pada tahun 1979, Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran telah mengeluarkan satu laporan menyeluruh berkaitan aspek pendidikan negara termasuklah kurikulumnya. Hasil kajian tersebut, KBSR telah digubal dan dilaksanakan secara keseluruhannya pada 1983. Ianya diteruskan di peringkat sekolah menengah pada tahun 1988 iaitu setelah enam tahun KBSR dilaksanakan di sekolah rendah dengan nama Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Mata pelajaran pendidikan Islam terus diperkemas setelah diperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1993 bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Mata pelajaran pendidikan Islam ditambah satu lagi bidang iaitu bidang asas akhlak Islam. Ini menjadikan mata pelajaran pendidikan Islam mempunyai tiga bidang iaitu Asuhan Al-Quran, Asas Syariah Islam dan Asas Akhlak Islam. Mata pelajaran pendidikan Islam terus diperkasakan dengan kewujudan program j-QAF iaitu singkatan kepada jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardhu ain (Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011). Tahun-tahun 1980an merupakan tahun-tahun penjelmaan kembali Pendidikan Islam dalam sistem Pendidikan Negara. Falsafah Pendidikan Negara telah menjadikan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan sebagai teras dan dasar penjurusan segala aktiviti pendidikan. Bertolak dari Falsafah Pendidikan Negara, keseluruhan struktur kurikulum Pendidikan Kebangsaan telah diubah suai agar setiap mata pelajaran sama-sama mendukung cita-cita FPN dengan menerapkan nilai-nilai murni seagat (yang mana keseluruhan nilai-nilai tersebut adalah nilai atau ajaran Islam).

Malah daripada segi pendekatan pengajaran, terdapat beberapa mata pelajaran Sains dan Geografi umpamanya telah diterapkan dengan nilai-nilai murni berasaskan akidah dan syariat Islamiah). Menurut mereka lagi, program j-QAF telah dilaksanakan sejak tahun 2005 untuk pelajar-pelajar sekolah rendah. Ia dijangka akan mula dilaksanakan di sekolah menengah apabila semua tahap di sekolah rendah telah dilaksanakan sepenuhnya. Sekali pada tahun 2013, Pendidikan Islam mengalami penambahbaikan melalui salah satu daripada 11 anjakan yang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Anjakan yang dimaksudkan merupakan suatu pernyataan iaitu memperkukuh Pendidikan Islam dan Moral dengan memberi lebih fokus ke atas teras nilai dan falsafah agama utama menjelang 2017 (PPPM, 2013).

Satu kajian yang dibuat oleh Lembaga Penasihat Penyelarasan Pembelajaran dan Pendidikan Islam (LEPAI), melaporkan bahawa pada keseluruhannya Sekolah Agama di negara ini terletak di bawah tanggungjawab pihak-pihak berkuasa yang berlainan. Dari segi pentadbiran, Sekolah Agama di Malaysia selepas merdeka terbahagi kepada tiga jenis iaitu: Sekolah Agama Kementerian Pendidikan (SMKA); Sekolah Agama Kerajaan Negeri (SAN) ; Sekolah Agama Rakyat (SAR). SMKA, terletak di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan. SAN terletak di bawah penguasaan dan kelolaan Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri manakala SAR dikendalikan oleh rakyat dari segi pentadbiran, kewangan, pengurusan, sukatan pelajaran dan lain-lain. SMKA terletak di bawah pengawasan dan kelolaan Kementerian Pendidikan. Sekolah-sekolah ini hanya bermula di peringkat menengah sahaja iaitu mulai dari tingkatan satu. Semua urusan dan keperluan SMKA ditadbirkan mengikut susunan tertentu melalui Pejabat Pendidikan dari peringkat daerah hingga ke peringkat negeri dan pusat. Keputusan-keputusan utama dan dasar-dasar dibuat oleh kementerian. Di samping itu terdapat pegawai-pegawai yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan sekolah-sekolah ini. Manakala pengetua sekolah-sekolah tersebut juga diberi latihan bukan sahaja dalam bidang pengajaran dan pembelajaran tetapi juga dalam bidang pentadbiran dan pengurusan.

SAN terletak di bawah pengawasan dan kelolaan Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri. Ada juga di bawah kelolaan badan-badan tertentu seperti Lembaga Pendidikan Islam Melaka dan Yayasan Islam Kelantan Sekolah-sekolah ini ditadbir oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian terdapat perbezaan di antara sekolah-sekolah tersebut. Sejak tahun 1963 SAN telah menerima Sukatan Pelajaran Kementerian Pendidikan dengan mengadakan peperiksaan SRP (1963) dan SPM (1965), dan seterusnya Tingkatan Enam Aliran Agama (1968) untuk memasuki Fakulti Pengajian Islam di UKM. SAR pula dikendalikan oleh rakyat dari segi pentadbiran, kewangan, pengurusan, sukatan pelajaran dan lain-lain. Pentadbirannya di bawah kelolaan Lembaga atau Jawatankuasa sekolah masing-masing. Tidak ada sebuah badan berkuasa yang mewakili kerajaan menjalankan peranan sebagai penentu dan mengawal perjalanan sekolah-sekolah tersebut. SAR tertakluk kepada undang-undang pentadbiran Agama Islam Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri. Justeru itu, SAR digalakkan supaya mendaftar dengan Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri. Pendaftaran ini bertujuan memudahkan pihak kerajaan (negeri dan pusat) menyalurkan apa-apa bantuan dan nasihat. Walau bagaimanapun, ada beberapa buah negeri yang menyerapkan kurikulum pelajaran agama dari negeri lain. Ini dilakukan kerana sijil yang dikeluarkan oleh sekolah berkenaan diiktiraf oleh beberapa buah institusi pengajian agama dari dalam dan luar negeri.

Pembentukan Sekolah Vernakular Cina

Sejarah perkembangan pendidikan Cina di Tanah Melayu hanya bermula sejak penghijrahan masuk orang Cina pada awal abad ke-19. Walaupun orang Cina telah mula berada di Melaka pada pertengahan kurun ke-15, mereka tidak pernah mendirikan sekolah Cina pada masa itu. Ini adalah kerana bilangan mereka yang tidak ramai dan mereka datang ke Tanah Melayu hanyalah untuk mencari nafkah semata-mata dan tidak berniat untuk menjadi penduduk tetap di Tanah Melayu. Pembentukan sekolah Cina di Malaya oleh komuniti Cina hanya bermula pada tahun 1829 apabila orang-orang Cina telah dibawa masuk ke Tanah Melayu secara beramai-ramai oleh British untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah di Perak dan Selangor. Imigran Cina ini

bukan sahaja membawa bersama adat, kepercayaan, agama dan kebudayaan keluarga tetapi juga sistem pendidikan mereka ke Tanah Melayu (Ridhuan Tee, 2010).

Masyarakat Cina mementingkan pendidikan dan memberi penghormatan yang tinggi kepada perjuangan pendidikan. Mereka telah mendirikan sekolah Cina melalui usaha orang perseorangan dan persatuan bagi mengekalkan warisan budaya dan bahasa mereka. Ia dibuktikan dengan pembinaan sekolah Cina di mana sahaja terdapat penempatan orang Cina (Sia Keng Yek 2005). Perkembangan pendidikan Cina adalah hasil daripada pendekatan dasar bebas atau *laissez-faire* yang diwujudkan oleh penjajah Inggeris terhadap pembinaan sekolah Cina pada abad ke 19. Polisi ini dilaksanakan kerana masyarakat Cina berhijrah ke Tanah Melayu bukan atas sebab menjadi pemastautin tetap dan setelah mencari rezeki mereka akan pulang ke negara asal mereka. Maka kediaman dan penempatan mereka dianggapkan oleh penjajah British sebagai bersifat sementara. (Hussein Ahmad 1993). Kennedy (1970) dalam bukunya *A History of Malaya* mengandaikan masyarakat Cina ketika itu tidak mempunyai kelayakan untuk dipertimbangkan dalam semua hal dalam perkhidmatan kerajaan. Keduanya, dari segi demografi ciri kedatangan mereka pada peringkat awal penghijrahan hanya melibatkan golongan lelaki dewasa sahaja. Maka keperluan untuk mendirikan sekolah Cina bantuan kerajaan adalah tidak mendadak. Seterusnya, kerajaan British menganggap kaum lelaki Cina dilihat sebagai boleh berdikari sama ada dari segi sosial mahupun ekonomi dan tidak memerlukan pendidikan (Hassan Langgulong 1986).

Institusi sekolah untuk etnik Cina yang pertama terdapat di Tanah Melayu, telah dibina oleh Persatuan Mubaligh London di negeri Melaka pada tahun 1815. Kelas pendidikan vernakular Cina yang pertama adalah didirikan oleh Persatuan Mubaligh London di Melaka pada tahun 1815. Kemudian sebuah sekolah Cina pertama iaitu Institut Wu Fu, dibina oleh orang tempatan di Pulau Pinang pada tahun 1819. Manakala di Singapura, sekolah Cina yang pertama, Institut Cui Ying telah didirikan pada tahun 1854. Institusi Wu Fu adalah sekolah Cina yang pertama dan penubuhannya didirikan di Pulau Pinang pada tahun 1819. Wu Fu Si Shu atau Sekolah Wu Fu merupakan pelopor sekolah Cina di Tanah Melayu. Medium atau bahasa pengantara pada masa itu menggunakan dialek Cina setempat. Kurikulum sekolah Cina awal ini didasarkan kepada cara pembelajaran hafalan dari klasik. Empat buku klasik dari Confucianism, iaitu: *Pembelajaran Unggul* (*daxue*), *Doktrin Mean* (*zhongyong*), *Confucius Analects* (*Lunyu*), dan *Mencius* (*Mencius*) adalah buku teks utama (Kho Suet Nie, Chew Chee Khiang, Tan Joon Ling & Chang Peng Kee, 2010). Pengajaran Bahasa Cina juga diadakan di Free Schools di Negeri-negeri Selat.

Namun, akhirnya sekolah tersebut telah gagal dan ditamatkan. Thomas (1983) dan Wong & Ee (1975) bersependapat bahawa pendidikan Cina dalam jangka waktu yang sangat panjang berada di tangan komuniti Cina sendiri kerana mereka sendiri yang mengusahakan pendidikan untuk komuniti kaum Cina di seluruh Malaya dan Borneo. Pendidikan mereka telah dibiayai oleh pemodal-pemodal Cina adalah bertujuan untuk menyediakan pekerja bagi perusahaan dan perniagaan mereka. Philip Leoh (1975) menyebut sehingga tahun 1919 terdapat 56 buah sekolah Cina di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Gerakan sosial dan politik di Tanah Besar China turut membawa pengaruh kepada usaha reformasi kepada pendidikan Cina di Malaya (Tan Liok Ee, 1997). Pada 1904, kerajaan Dinasti Qing memperkenalkan reformasi pendidikan dengan mengadaptasi sukatan pelajaran akademik Barat namun masih menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Walau

bagaimanapun perkembangan ini telah membawa kepada perubahan drastik kepada sistem pengajaran sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu. Pada tahun 1854 sebuah sekolah Cina telah diasaskan oleh pemimpin-pemimpin Hokkien di Singapura. Di antara tahun-tahun 1854-1884 lebih daripada 100 buah sekolah Cina telah dibuka di Tanah Melayu. Sekolah-sekolah ini menggunakan berbagai-bagai loghat sebagai bahasa pengantar. Murid-murid ini mempelajari klasik-klasik Cina secara hafalan. Pendidikan Cina telah berkembang pesat mulai abad kedua puluh akibat pengaruh pemimpin-pemimpin politik Negara Cina seperti Kang Yu-Wei dan Sun Yat-Sen. Tujuan mereka ialah untuk memupuk kesedaran politik di kalangan orang Cina seberang laut. Di antara tahun 1911-1919 lebih daripada 50 buah sekolah Cina telah dibuka di Tanah Melayu. Guru-guru dan buku teks dibawa dari Negara China. Di setengah-setengah sekolah, perkembangan politik di Negara China dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran. Pada peringkat awal, penjajah British bersikap tidak mahu campur tangan dalam hal pembinaan sekolah Cina, malahan menentang pembiayaan kerajaan British terhadap pembinaan sekolah Cina.

Kurikulum sekolah Cina adalah berdasarkan pelajaran klasik lama. Selain daripada menghafaz klasik lama, murid-murid juga belajar kaligrafi dan ilmu kira-kira dengan menggunakan *abacus*. Dialek tempatan digunakan sebagai bahasa pengantar untuk mengajar di sekolah Cina (Mok Soong Sang 2003). Pendidikan di kalangan orang Cina berkembang apabila menteri terkenal China, Kang You Wei dan Sun Yat Sen, pemimpin revolusi di Negeri China telah melarikan diri ke Tanah Melayu selepas reformasi di Negeri China gagal. Kedua-duanya pemimpin ini menggalakkan orang Cina terutamanya pemimpin Cina tempatan di Tanah Melayu mendirikan sekolah. Sekolah ini dibina berdasarkan prinsip pendidikan baru yang menggabungkan pengajaran Confucius dengan sains Barat. Pada penghujung abad ke 19 dan pertengahan dekad pertama abad ke 20 semakin banyak sekolah persendirian yang dibiayai oleh ibu bapa Cina dan bermodelkan serta berorientasikan China sepenuhnya. Sistem pelajaran lama sekolah Cina yang menekankan penghafalan buku-buku klasik mula digantikan oleh sistem sekolah moden sekitar tahun 1920-an. Seiring dengan reformasi pendidikan menggunakan sistem sekolah moden di Tanah Besar China, sekolah moden Cina Malaysia yang pertama, Sekolah Chung Hwa Confucius yang didirikan di Pulau Pinang pada tahun 1904 (Wang, 1970, Dong Zong, 2001). Selain daripada penerusan pembelajaran kesusasteraan klasik, sekolah-sekolah Cina moden juga mengajar ilmu, geometri, geografi, sejarah, dan mata pelajaran teras sehingga kini (Victor Purcell, 1960). Selepas Revolusi pada 1911 di Tanah Besar China, sekolah Cina moden berkembang dengan pesatnya terutama di wilayah negara-negara Asia Tenggara. Antaranya sekolah-sekolah Cina berubah menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar yang mana sebelum ini adalah dialek-dialek Cina. Buku-buku teks yang dibawa masuk juga adalah merupakan aspirasi dalam menyatupadukan orang Cina di Tanah Melayu. Guru-guru dan buku-buku dibawa masuk daripada tanah besar China serta dari segi bentuk dan pengisian juga adalah sepenuhnya berorientasi pendidikan negara China (Phang 1973). Sikap anti Inggeris semakin berkembang di sekolah-sekolah Cina setelah revolusi dan Republik Rakyat China ditubuhkan pada tahun 1911. Satu reformasi kebudayaan yang dikenali sebagai Pergerakan 4hb Mei telah membawa perubahan atas pendidikan Cina di Tanah Melayu.

Kerajaan kolonial Inggeris berusaha untuk melemahkan pendidikan Cina di Tanah Melayu dengan melaksanakan dasar pendidikan yang lebih tegas. Misalnya, Kerajaan Inggeris menubuhkan lebih banyak sekolah rendah Inggeris untuk mengubah dan menarik lebih ramai murid-murid Cina namun usaha tersebut gagal. Sebagai usaha mendapat sokongan masyarakat

Cina, Kerajaan Inggeris telah mengiktiraf bahasa Mandarin sebagai medium pengantara di sekolah-sekolah Cina. Tetapi kemudiannya, bila menyedari sekolah-sekolah Cina telah menjadi tempat menyebarkan sentimen anti British, maka kerajaan British kemudian mula menukarkan polisi liberal yang diamalkan dengan meluluskan Enakmen Pendaftaran Sekolah di Tanah Melayu pada tahun 1920 dengan tujuan untuk mengawal aktiviti-aktiviti subversif di sekolah Cina (Phang 1973).

Kebanyakan sekolah vernakular Cina yang berasaskan sistem moden sistem moden itu mula didirikan di Tanah Melayu selepas tahun 1900. Sebagai contoh pada tahun 1904, Chang Soo Leong, seorang bekas murid Raffles Institution, menubuhkan Sekolah Cina Yin Sin di Singapura. Pada tahun yang sama juga, Chang Pi Shih, Timbalan Konsul Negeri China, menubuhkan Sekolah Chung Hwa Confucius di Pulau Pinang. Pada tahun 1906, Sekolah Confucius didirikan di Kuala Lumpur dan pada tahun 1907 Sekolah Yuk Choy didirikan di Ipoh. Pada tahun 1908, sebuah sekolah perempuan yang pertama, Kuen Cheng, di dirikan di Kuala Lumpur dan pada tahun 1911, Phua Choon Heang, seorang saudagar, menubuhkan Sekolah Perempuan Cina di Singapura.

Sejak tahun 1901, sekolah-sekolah Cina mula mendapat bantuan kewangan daripada Negara China di bawah pemerintahan Manchu. Guru-guru juga dibawa daripada Negara China dan kurikulum baru dimulakan. Selain daripada pelajaran klasik lama, murid-murid juga turut diajar mata pelajaran Sejarah, Ilmu Alam, Sains, Moral, Bahasa, Ilmu Hisab, Lukisan, Menyanyi dan latihan Jasmani. Selepas tertubuhnya Republik Rakyat China pada tahun 1911, kerajaan China terus menyalurkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah Cina di negara ini. Ideologinya terus diserapkan ke dalam kurikulum sekolah-sekolah Cina. Pada tahun 1914 dan 1915, wakil-wakil Kementerian Pelajaran Negara China dihantar ke Asia Tenggara untuk melawat sekolah-sekolah Cina. Lanjutan daripada lawatan tersebut, sebuah sekolah Cina moden dibina di Nanking pada tahun 1918 dengan tujuan melatih guru untuk berkhidmat di sekolah Cina di seberang laut. Pada ketika ini, sekolah vernakular Cina di Tanah Melayu berkembang dengan pesat. Hingga menjelang tahun 1920, terdapat 313 buah sekolah Cina telah dibina di Negeri-negeri Selat dan 181 buah sekolah Cina di Negeri-negeri Bersekutu.

Pada Mei 1919, satu reformasi kebudayaan yang dikenali sebagai Pergerakan 4hb Mei berlaku di Negara China telah membawa perubahan ke atas sistem pendidikan Cina di Tanah Melayu. Salah satu perubahan yang berlaku ialah sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu mula menggunakan bahasa Mandarin yang juga telah menjadi bahasa pengantar rasmi di Negara China. Sebelum itu, bahasa pengantar sekolah Cina adalah berdasarkan kepada dialek-dialek seperti Kongfu, Teochew, Hokkien dan sebagainya. Selain itu, buku teks juga ditulis semula dengan aspirasi menyatupadukan rakyat Cina yang menetap di luar negara. Buku teks itu dihantar ke Tanah Melayu untuk dibaca oleh murid tempatan.

Kebanyakan guru juga dihantar dari Negara China untuk mengajar di sekolah Cina Tanah Melayu. Dengan adanya bantuan kewangan, pengaruh parti politik parti nasional iaitu Kuomintang, terus berkembang di sekolah-sekolah Cina. Penjajah British mula sedar bahaya pengaruh ideologi kerajaan Negara China terhadap kaum Cina di sini. Sentimen anti-British juga disebarkan. Pada tahun 1920, Enakmen Pendaftaran Sekolah diwujudkan. Tujuan utamanya adalah untuk mengawal perkembangan sekolah-sekolah Cina.

Secara keseluruhannya masyarakat Cina memandang Enakmen Pendaftaran sekolah 1920 ini telah mencabuli hak asasi orang Cina dalam pengurusan sekolah itu sendiri. Oleh itu, mereka membantah Enakmen tersebut dengan sekeras-kerasnya. Tetapi pentadbiran British tidak berganjak daripada pendiriannya dan meneruskan rancangan pendaftaran sekolah itu. Melalui undang-undang ini sukatan pelajaran dan pendaftaran guru telah dikawal. Kawalan British semakin ketat selepas Perang Dunia Kedua. Berikutan daripada tindakan tegas ini, hampir 315 buah sekolah Cina dibatalkan pendaftarannya antara tahun 1925 hingga 1928. Mulai tahun 1920 bahasa Mandarin (Kuo-yu) digunakan sebagai bahasa pengantar di kebanyakan sekolah Cina. Ini adalah selaras dengan perkembangan di Negara China di mana Mandarin dijadikan bahasa kebangsaan. Sekolah Cina mempunyai pelajaran rendah selama 6 tahun, menengah rendah selama 3 tahun dan menengah atas selama 3 tahun. Sekolah-sekolah menengah menyediakan para pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di Negara China. Mutu pelajaran sekolah Cina lebih tinggi daripada mutu pelajaran sekolah-sekolah Melayu kerajaan dan sekolah-sekolah Tamil. Menurut Abu Zahari (1992), peruntukan persekutuan bagi sekolah Cina telah bertambah berlipat ganda menjelang tahun 1938.

Sewaktu Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua penggunaan bahasa Inggeris digunakan secara meluas khususnya dalam pentadbiran kerajaan. Masyarakat Cina yang tinggal di bandar mempunyai pilihan dan memperoleh banyak peluang untuk menghantar anak mereka ke sekolah jenis Inggeris. Oleh itu, sebelum merdeka perbezaan dalam masyarakat Cina telah terserlah. Sebahagian besar daripada mereka telah diorientasikan dalam pendidikan Cina, manakala sebahagian lagi telah diorientasikan mengikut jenis pendidikan Barat. Kumpulan orang Cina yang berpendidikan ini telah mula terbahagi kepada dua jenis iaitu kumpulan orang Cina berpendidikan Cina dan kumpulan orang Cina berpendidikan Inggeris (Phang 1973). Pada tahun 1929, tindakan-tindakan yang lebih ketat dikenakan ke atas sekolah-sekolah Cina oleh Gabenor Cecil Clementi. Tindakan-tindakan yang keras itu termasuklah perlantikan guru sekolah Cina daripada kalangan orang tempatan, iaitu mereka yang dilahirkan di Tanah Melayu dan pengharaman buku teks yang mengandungi unsur anti kerajaan British. Satu pindaan telah dibuat kepada enakmen tersebut 1925, yang membolehkan pengarah pelajaran membatalkan pendaftaran seseorang guru yang aktivitiinya dianggap subversif.

Kawalan terhadap sekolah-sekolah Cina agak kurang berkesan kerana sekola-sekolah seperti Chung Ling (Pulau Pinang), Sekolah Confucius (Kuala Lumpur), Sekolah Yuk Choy (Ipoh), Sekolah Chung Hua (Muar) dan Sekolah Kuen Cheng (Kuala Lumpur terus memulakan kelas-kelas menengah. Menjelang Perang Dunia Kedua, sistem pendidikan Cina di Tanah Melayu sampai ke peringkat sekolah menengah hingga tingkatan enam¹. Bahasa Mandarin telah diiktiraf oleh kerajaan British sebagai bahasa pengantar yang rasmi di sekolah Cina. Berdasarkan rekod, pada tahun 1938, jumlah murid di sekolah Cina yang terdapat di Negeri-negeri Selat dan Bersekutu ialah 91,534 orang (66,645 lelaki dan 24,889 perempuan) dan jumlah murid Cina di sekolah Inggeris ialah 26,974 orang (18,522 lelaki dan 8,452 perempuan). Di Negeri-negeri Tak Bersekutu, kerajaan negeri tidak pernah memberi sebarang bantuan kewangan kepada sekolah Cina. Oleh sebab itu, pembinaan dan pembiayaan urusan sekolah Cina adalah diuruskan semata-mata oleh komuniti Cina tempatan.

Pembentukan Sekolah Vernakular Tamil

Perkembangan sekolah vernakular Tamil sebenarnya bermula semasa perkembangan ladang getah, kelapa, kopi dan tebu di mana ramai buruh di ambil bekerja di ladang-ladang tersebut. Sekolah vernakular Tamil yang pertama ditubuhkan di Tanah Melayu adalah pada tahun 1816 iaitu selepas penubuhan Penang Free School. Pada masa itu, mata pelajaran Bahasa Tamil dicadangkan menjadi salah satu mata pelajaran dalam Penang Free School. Pada tahun 1821 sebuah sekolah Tamil dibuka di perkarangan Penang Free School. Pada tahun 1850 terdapat sebuah sekolah Anglo-Tamil yang dibantu oleh Kerajaan di mana Inggeris dan juga Tamil diajar. Namun demikian seperti dinyatakan oleh Paul Chang, Ming Phang (2011), sejarah sebenar pendidikan Tamil di Tanah Melayu bermula dengan perkembangan ladang kopi, gula, kelapa dan akhirnya getah. Pada tahun 1850, sebuah sekolah bernama Sekolah Anglo Tamil yang mengajarkan bahasa Tamil dan bahasa Inggeris ditubuhkan di Melaka. Namun sekolah tersebut kemudiannya ditutup pada tahun 1860 kerana kekurangan murid.

¹ *Pendaftaran Murid Cina di Sekolah Inggeris dan sekolah Cina di Negeri-negeri Bersekutu.*

Tahun	% dalam Sek. Inggeris	% dalam Sek. Cina	Jumlah murid-murid Cina
1924	33.5	66.5	18,312
1925	30.4	69.6	22,141
1926	29.7	70.3	24,018
1927	28.4	71.6	26,432
1928	27.0	73.0	29,262
1929	26.8	73.2	31,958
1930	28.5	71.5	31,221
1931	n/a	n/a	n/a
1932	30.8	69.2	28,676
1933	26.5	n/a	30,316
1934	n/a	n/a	n/a
1935	21.7	78.3	37,697
1937	17.6	82.4	48,196

Pada peringkat awal mereka membuka sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Sejarah penubuhan sekolah Tamil bermula selepas penubuhan Penang Free School dengan menawarkan kelas bahasa Tamil bagi orang India yang ingin menghantar anak-anak ke sekolah. Hampir keseluruhan sekolah-sekolah untuk etnik India menggunakan bahasa Tamil dan berorientasikan negara India. Mulai tahun 1870 sekolah-sekolah kecil telah dibuka di ladang-ladang di mana penduduk India memerlukan pendidikan bagi anak-anak mereka. Kebanyakan sekolah ini merupakan hasil usaha persendirian. Kerajaan British pada masa itu merasakan pendidikan tidak perlu kepada anak-anak buruh Tamil yang berhijrah masuk.

Sekolah vernakular Tamil juga dibina di estet-estet kopi, kelapa, gula dan getah. Bermula dari tahun 1870, beberapa buah sekolah kecil yang mengajar bahasa Tamil mula ditubuhkan di Melaka, Seberang Perai dan seterusnya di Negeri-negeri Bersekutu (Mok Soon Sang, 2010). Pada ketika itu, pihak British masih mengamalkan dasar membantu sekolah vernakular Melayu sahaja. Oleh sebab itu, penubuhan sekolah vernakular Tamil bergantung pada majikan mereka atau usaha Persatuan Mubaligh. Selain itu, terdapat bantuan daripada individu-individu yang berkemampuan. Sebagai contoh, pada tahun 1895, Sekolah St. Francis Xavier Malabar telah ditubuhkan oleh kumpulan Mubaligh Kristian di Singapura. Pada awal tahun 1900, terdapat sekolah vernakular Tamil dan tiga buah sekolah Anglo-Tamil di negeri Perak dan sebuah Sekolah Anglo-Tamil di negeri Selangor.

Bagaimanapun keadaan ini berubah apabila perkembangan ekonomi di Tanah Melayu pada awal kurun ke 20 yang memerlukan lebih banyak buruh India bekerja di ladang getah. Dorongan tersebut telah menyebabkan kerajaan British mula menukar polisi pendidikannya mulai tahun 1902 dengan permulaan memberi kemudahan untuk menubuhkan sekolah vernakular Tamil di mana-mana yang perlu. Kadar bantuan kewangan adalah berdasarkan kepada keputusan peperiksaan dan kehadiran murid di sekolah tersebut. Menjelang 1920, jumlah murid semakin meningkat di Negeri-negeri Bersekutu (Sufean Husin, 1990). Pada tahun 1905 terdapat 13 buah sekolah Tamil (kerajaan) dan 4 buah sekolah Tamil persendirian di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Menjelang tahun 1920 jumlah murid sekolah Tamil di negeri-negeri tersebut ialah lebih kurang 4000 orang.

Pada tahun 1923 Kerajaan British memperkenalkan Kanun Buruh yang memaksa pihak pengurusan ladang untuk mendirikan sebuah sekolah sekiranya terdapat lebih daripada 10 orang anak buruh yang berumur di antara 7-14 tahun. Sekolah-sekolah ini hendaklah dibiayai oleh pihak pengurusan ladang. Satu masalah utama yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil ialah kekurangan guru-guru yang terlatih. Mutu pelajaran Tamil adalah rendah. Sekolah-sekolah Tamil di ladang hanya memberikan pelajaran rendah selama 4 tahun. Buku-buku dibawa dari India. Persatuan-persatuan orang India ada menubuhkan beberapa sekolah Tamil di Bandar. Mutu sekolah-sekolah Tamil ini lebih tinggi dari sekolah-sekolah di ladang. Pada tahun 1920-an Kerajaan British mula mengawal sekolah-sekolah Tamil. Seorang Nazir Sekolah-sekolah Tamil berbangsa Eropah telah dilantik pada tahun 1930. Pada tahun 1932 Kerajaan British mula memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah Tamil. Menjelang tahun 1920, jumlah pelajar sekolah Tamil di Persekutuan kira-kira 4000 pelajar. Pada tahun 1925, Kod Buruh telah dikuatkuasakan dan setiap estet yang mempunyai sekurang-kurangnya 10 orang kanak-kanak dalam umur persekolahan diwajibkan untuk menyediakan sekolah dan guru bagi kanak-kanak itu. Dengan adanya kod ini, jelas meningkatkan lagi bilangan sekolah Tamil di estet. Sedikit wang tahunan juga telah diperuntukkan kepada sekolah Tamil. Ia diberi berdasarkan pencapaian

pelajar dalam peperiksaan dan kehadiran mereka. Penubuhan sekolah vernakular Tamil bergantung kepada majikan mereka atau atas usaha Persatuan Mubaligh.

Pada tahun 1946, empat buah jenis sekolah India telah wujud di Semenanjung Tanah Melayu iaitu sekolah kerajaan, sekolah ladang, sekolah mubaligh dan sekolah pergerakan pertubuhan namun dari segi peringkat pendidikannya masih berada pada tahap yang daif. Ini disebabkan semua sekolah Tamil adalah sekolah persendirian tanpa bantuan kewangan daripada kerajaan British. Bilangan murid di setiap sekolah itu terlalu kecil dan jumlah bilangannya daripada semua sekolah Tamil tersebut tidak lebih daripada 200 murid (Arasaratnam 1970). Bagi meningkatkan sistem sekolah Tamil, seorang Nazir Sekolah Tamil telah dilantik pada tahun 1930 untuk tujuan penyeliaan dan pengawasan. Namun jawatan tersebut telah dimansuhkan pada tahun 1932. Selepas daripada itu, peranan sekolah Tamil hanyalah untuk membasmi buta huruf di kalangan kanak-kanak di estet. Selepas ekonomi dunia pulih, kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk melatih guru-guru sekolah Tamil dimulakan pada tahun 1936. Pada tahun 1938 pula, nazir Sekolah Tamil telah dilantik semula dan peruntukan kewangan bagi sekolah Tamil telah ditambah lagi. Sekolah vernakular Tamil semakin banyak dibina dan bilangan pelajarinya semakin hari semakin bertambah.

Faktor pertumbuhan pesat sekolah-sekolah Tamil adalah didorong oleh pembukaan ladang-ladang kopi dan getah oleh pihak British. Kehadiran buruh-buruh India amat penting bagi kepentingan perdagangan British. Seperti mana sekolah vernakular Melayu, sekolah-sekolah vernakular Tamil juga terhad pada peringkat rendah sahaja. Pentadbiran sekolah –sekolah Tamil hampir sama dengan bentuk pengurusan sekolah Cina iaitu mengimport buku-buku dan guru-guru dari India. Bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantar ialah Tamil, Gujerat, Hindi dan Malayalam (Arasaratnam 1979). Kod Buruh 1925 telah dikuatkuasakan hasil daripada konfrensi Residen-residen di negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu dengan mewajibkan setiap ladang yang terdapat kanak-kanak lebih daripada 10 orang dalam lingkungan persekolahan (7-14 tahun) hendaklah menyediakan sekolah dan guru. Disamping itu seorang Nazir sekolah Tamil berbangsa Eropah telah dilantik pada tahun 1930 bagi mengendalikan pengurusan sekolah vernakular Tamil. Tetapi jawatan tersebut telah dimansuhkan pada tahun 1932 dan diwujudkan semula dalam tahun 1938 (Arasaratnam 1979).

Pendidikan yang disediakan oleh sekolah-sekolah Tamil secara relatifnya mempunyai nilai sosial dan ekonomi yang masih rendah (EPRD 1981). Sekolah Tamil di ladang-ladang diuruskan secara ala kadar sahaja. Pada amnya sekolah-sekolah ini didirikan untuk menjamin ladang-ladang syarikat Inggeris mendapat cukup tenaga buruh yang tetap dan murah. Bangunan-bangunan sekolah yang tidak selesa selalu terdapat di tengah-tengah kawasan ladang (Sufean Husin, 1990). Keadaan ini telah memisahkan kanak-kanak India dari masyarakat dan dunia luar ladang. Tiada guru terlatih dan guru biasanya adalah kerani estet yang mengajar beberapa jam sehari. Kehadiran murid terbatas kerana mereka lebih cenderung menolong ibu bapa di ladang atau di rumah. Malahan ramai kanak-kanak India yang tidak kesekolah ini kemudiannya telah menjadi buruh di ladang-ladang kepunyaan pemodal-pemodal Inggeris.

Pendidikan Vernakular dan “Idea Pendidikan Kebangsaan” Pasca Merdeka

Selepas kembalinya tentera British pada bulan Ogos 1945 ke Tanah Melayu, salah satu tugas utama kerajaan ‘baru’ ialah membina semula sistem pendidikan di Tanah Melayu. Oleh itu telah dibentuk satu jawatankuasa khas yang kemudiannya menghasilkan Laporan **Pelajaran Cheeseman 1946**. Ini merupakan percubaan pertama kerajaan kolonial British untuk menyusun semula polisi pendidikan di bawah pentadbiran Malayan Union. Laporan Cheeseman telah mencadangkan :

1. Menambahkan sekolah tukang dan memperbaiki kurikulum bagi sekolah-sekolah tersebut supaya akan dijadikan Sekolah Teknik Rendah.
2. Kurikulum Bahasa Inggeris hendaklah memasukkan mata pelajaran ‘amali’ seperti pertukangan bagi lelaki dan sains rumah tangga bagi perempuan.
3. Masukkan mata pelajaran Sains yang wajib diajar dalam bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran di semua sekolah vernakular.
4. Mewujudkan Sekolah perdagangan di pusat bandar besar yang lulus Peperiksaan *School Certificate*.
5. Pendidikan asas dalam semua bahasa pengantar, diberi secara percuma.
6. Melantik pengelola sekolah vokasional.

Objektif jangka panjang bagi pengenalan Dasar Pendidikan Cheesemen 1946 ialah sebagai satu persediaan untuk proses pembinaan semula sistem pendidikan demi menjamin setiap jenis sistem persekolahan dapat dikembangkan dengan sepenuhnya. Antara lain, dengan mengambil semangat cadangan Malayan Union, Laporan Pelajaran Cheesemen 1946 mencadangkan sistem pendidikan di Tanah Melayu diberikan secara sama rata semua kumpulan etnik dengan tanggungjawab menyediakan pendidikan yang lebih moden diletakkan di bahu pihak kerajaan. Laporan Pelajaran Cheesemen 1946 juga mencadangkan pembinaan semula sistem pendidikan kebangsaan dengan menyelaraskan dan menyeragamkan kurikulum dan pengajaran di sekolah-sekolah di mana Bahasa Inggeris diajar di semua sekolah. Bagaimanapun, di bawah Rancangan Cheeseman tidak ada rancangan yang jelas berkaitan bagi memupuk integrasi sosial di antara kanak-kanak berbilang kaum. Akibat pembubaran Malayan Union dan tumpuan Jabatan Pelajaran dalam pemulihan sekolah-sekolah yang telah dirosakkan kerana peperangan, Rancangan Cheeseman tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Dasar yang termaktub dalam Laporan Pelajaran Cheeseman 1946 tidak mempunyai matlamat untuk membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan (Abu Bakar. 2001). Dasar pendidikan kolonial sekadar “*to restore school as quickly as possible to their former condition and to make provision for all who are deprived of education owing to war*” (Morrison.1968). Kelemahan yang wujud dalam Laporan Pelajaran Cheeseman 1946 telah membawa kepada penubuhan sebuah jawatankuasa yang baru yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pelajaran Barnes 1950. Akibat desakan dan bermulanya gerakan nasionalisme Melayu pasca Malayan Union, kerajaan British pada tahun 1949 telah bersetuju menerima cadangan pemimpin-pemimpin Melayu supaya pihak kerajaan mengkaji masalah pendidikan orang Melayu dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah untuk memperbaiki kelemahan yang ada. Pada bulan Ogos 1950, Sir Henry Gurney telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk mengkaji sistem pendidikan vernakular dan kemudahan pendidikan untuk orang Melayu. Pada 10 Jun 1951, jawatankuasa telah menerbitkan laporannya yang dikenali sebagai Laporan Barnes. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh L.J. Barnes yang merupakan Pengarah Latihan Sosial di Universiti Oxford. Di samping itu, jawatankuasa ini mempunyai 14 orang ahli termasuk L.J. Barnes sendiri, Tunku Ya’acob Ibn Almarhum Sultan

Abdul Hamid Halim Syah, Mahmood Mayyideen, Dr. Mustapha Osman, L.I. Lewis, L.D. Whitfield, E.M.F. Payne, Dato Abdul Razak dan W.B. MacDonald, Aminuddin Baki, Zainal Abidin Sultan Mydin, Tuan Syed Esa Alwee, Tuan Syed Nasir Ismael serta Mohamed Nor Sulaiman (Rosnaini.1996).

Laporan Barnes

Laporan Barnes merupakan satu percubaan awal untuk membina satu sistem pendidikan yang bercirikan 'kebangsaan' apabila mengusulkan agar matlamat pendidikan hendaklah membentuk satu rupa bangsa. Sistem vernakular yang berasingan hendaklah dibubarkan dan digantikan dengan satu jenis sekolah yang sama untuk semua kaum iaitu Sekolah Nasional (Kebangsaan). Perubahan yang radikal yang dicadangkan dalam Laporan Barnes ialah pemindahan bahasa pengantar kepada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi semua jenis sekolah di Persekutuan Tanah Melayu. Manakala Bahasa Cina dan Bahasa Tamil akan diajarkan sebagai mata pelajaran di sekolah sahaja. Rasional perubahan ini adalah untuk mencapai objektif integrasi sosial dan perpaduan di kalangan kanak-kanak berbilang kaum. Laporan ini bertujuan untuk mempertingkatkan kepentingan bahasa Inggeris di samping mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah.

Laporan Barnes atau *Barnes Report (1950)* dianggap sebagai satu usaha pertama pihak Inggeris 'mengambil hati' selepas penolakan masyarakat Melayu terhadap Malayan Union pada 1946. Laporan Barnes mencadangkan diwujudkan perpaduan etnik melalui pendidikan dengan penubuhan hanya dua sistem persekolahan sahaja di peringkat sekolah rendah iaitu sekolah Inggeris dan sekolah kebangsaan yang akan mencerminkan identiti kebangsaan. Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu akan digunakan sebagai sepenuhnya bahasa pengantar. Sekolah-sekolah Inggeris akan dibiayai secara sepenuh oleh kerajaan. Sekolah Cina dan Tamil dicadangkan supaya dimansuhkan secara berperingkat-peringkat. Bagaimanapun bahasa Cina dan bahasa Tamil akan diajar sebagai satu mata pelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan. Laporan Barnes penting kerana buat pertama kalinya satu kenyataan telah dibuat mengenai pendidikan yang patut memainkan peranannya bagi mengurangkan jurang perbezaan kaum dan mengintegrasikan semua kaum ke arah satu negara yang bersatu padu diperakukan oleh kerajaan British. Seperti yang dinyatakan di dalam *Council Paper No.553 of 1946*, jawatankuasa Laporan Barnes yakin bahawa sekolah-sekolah Inggeris boleh digunakan untuk mencapai integrasi sosial. Keputusan untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah menengah sebagaimana yang dicadangkan oleh Laporan Barnes merupakan langkah kerajaan British mengurangkan ketegangan kaum melalui pendidikan.

Walaupun langkah kerajaan British adalah untuk mengurangkan ketegangan tetapi sebaliknya penduduk Tanah Melayu terutama orang Melayu tidak bersetuju dan menentang penggunaan bahasa Inggeris sebagai alat menyatupadukan rakyat. Laporan Barnes 1950 berusaha untuk mengurangkan sistem persekolahan pelbagai kaum yang menghalang proses pola integrasi sosial antara murid pelbagai etnik dan perpaduan dalam kalangan rakyat. Mengikut pendapat Jawatankuasa Barnes apabila membenarkan keempat-empat jenis sistem persekolahan diteruskan tentu tidak ada harapan bagi semua rakyat berbilang kaum dididik dan bergaul bersama. Secara umumnya, laporan pelajaran ini telah disokong oleh pemimpin UMNO, Persatuan-Persatuan Pegawai Persekutuan, Pelajar-pelajar Melayu dan individu perseorangan seperti E.E.C. Thuraisingham, L.I. Lewis termasuk Sir Henry Gurney sendiri (Abu Bakar, 2001). Pun begitu, Laporan Barnes juga ditolak oleh sebahagian orang Melayu kerana bagi mereka merasakan pendidikan Melayu tidak diberi perhatian sewajarnya dan masih menumpang pendidikan Inggeris (Haris.2004) Seperti sudah dapat dijangkakan, Laporan

Barnes 1950 yang mencadangkan agar sistem pendidikan harus berteraskan kepada bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ditentang hebat oleh orang Cina (Lee Kam Heng dan Tan Chee-Beng, 2000). Tentangan orang bukan Melayu dikatakan bermula lebih awal ekoran tiada seorang pun wakil Cina dan India dalam Jawatankuasa Barnes semasa ditubuhkan. Aspek yang paling dibimbangi masyarakat Cina adalah saranan Laporan Barnes berkaitan peminggiran sekolah Cina dan bahasa Mandarin yang diyakini oleh mereka akan menggugat perkembangan pendidikan, identiti dan budaya orang Cina. Sungguhpun Jawatankuasa Barnes mempunyai rasionalnya apabila mencadangkan penubuhan sekolah satu aliran dan dalam pemilihan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sebagai bahasa yang sesuai bagi mengintegrasikan semua kaum, cadangan ini tidak diterima oleh bukan Melayu kerana kebimbangan tentang kesinambungan identiti etnik dan melihat laporan ini sebagai satu usaha yang sengaja untuk menghancurkan bahasa dan kebudayaan Cina.

Cadangan ini telah menimbulkan bantahan daripada orang Cina yang mendakwa Laporan Barnes akan menghapuskan sekolah-sekolah Cina dan menganggap ianya bertujuan menekan dan mendiskriminasikan kebudayaan mereka. Penghapusan sekolah Cina seperti mana yang dicadangkan oleh Laporan Barnes dilihat sebagai dasar menindas budaya Cina kerana soal pendidikan bagi mereka adalah soal budaya. Antara yang menjadi bantahan utama ialah isu dwi-bahasa dalam pelaksanaan pendidikan kebangsaan yang telah dicadangkan itu. Masyarakat Cina berpendapat bahasa bukanlah faktor utama penyatuan penduduk Tanah Melayu sebaliknya penggunaan buku teks dan kurikulum dan berorientasikan Tanah Melayu sebagai unsur penyatuan kaum (Tao Yua.2008). Bahasa Mandarin juga telah diterima sebagai medium pengantara di sekolah-sekolah Cina. Status pendidikan Cina kemudian telah dinaiktarafkan kepada peringkat menengah atas sebelum Perang Dunia Kedua. Sepanjang pendudukan Jepun antara tahun 1941-1945, pendidikan Cina dilarang di Tanah Melayu kerana persengketaan Jepun dengan Tanah Besar China pada ketika itu. Selepas peperangan tersebut, semua sekolah Cina kembali berdaftar. Sehingga 1946 jumlah sekolah Cina ialah 1,105 dengan 172,101 pelajar (Dong Zong, 2001). Pada tahun 1951, kerajaan kolonial Inggeris telah mengeluarkan laporan pendidikan yang cukup kontroversi -Laporan Barnes, yang menyeru penghapusan semua jenis sekolah selain daripada sekolah Inggeris dan Melayu

Kaum India turut menghantar memorandum menyatakan bantahan mereka terhadap cadangan yang terkandung dalam Laporan Barnes. Pada 1 Julai 1951, wakil daripada lebih 20 persatuan dan Kesatuan Sekerja India, Perak telah berhimpun dan mengajukan memorandum meminta Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu menimbang usaha komuniti India dalam perjuangan mereka memelihara bahasa dan warisan budaya bangsa (Arasratnam 1985). Oleh itu, pada 30 Jun 1951 di bawah naungan *Malayan Indian Communities* (MIC) Persekutuan Institusi Pendidikan dan Budaya India telah bermesyuarat serta sebulat suara untuk membentuk Jawatankuasa Pendidikan India.

Bantahan secara menyeluruh oleh masyarakat Cina dan India terhadap Laporan Barnes ternyata lebih menjurus atas faktor kebimbangan akan pupusnya bahasa mereka dengan pengenalan satu sistem pendidikan kebangsaan yang homogenous. Laporan Barnes dilihat tidak memberi sebarang pengiktirafan kepada sekolah vernakular atau sekolah yang menggunakan bahasa lain, selain daripada Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sistem sekolah kebangsaan yang seragam itu dikatakan telah menurunkan kedudukan bahasa-bahasa Cina dan Tamil ke taraf bahasa asing serta ditawarkan hanya sebagai satu mata pelajaran pilihan sahaja (Haris 2004). Malah Laporan Barnes juga turut ditentang oleh Cheeseman iaitu bekas Pengarah Pendidikan Tanah Melayu pada masa itu. Beliau melihat penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai beban kepada kanak-kanak

yang tidak menggunakan kedua-dua bahasa tersebut di rumah dan bebanan ini menjadi lebih besar apabila mereka diminta mempelajari kedua-dua bahasa secara serentak sebagai syarat memasuki sekolah. Laporan Barnes mendapat perhatian sepenuhnya dan dianggap sebagai “...a most stimulating, thought provoking and constructive report breaking a great deal of new ground” (Abu Bakar. 2001). Pada pandangan orang Cina, Laporan Barnes merupakan dasar yang memihak kepada orang Melayu dan telah mendapat perlindungan pihak penjajah dalam membina sistem pendidikan pro-Melayu tanpa mendapatkan pandangan orang bukan Melayu, terutamanya masyarakat Cina. Akibat penolakan dan tentangan tersebut, kerajaan Inggeris bersetuju untuk menubuhkan sebuah lagi jawatankuasa untuk mengkaji bantahan di kalangan masyarakat bukan Melayu. Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney telah melantik sebuah jawatankuasa yang kedua (selepas Jawatankuasa Barnes) untuk mengkaji dan mencadangkan pembangunan sekolah-sekolah Cina dan masa depan pendidikan vernakular Cina di Tanah Melayu. Jawatan kuasa ini diketuai oleh Dr. W.P.Fenn dan Dr. Wu Teh Yau (Sufean. 2006). Ini merupakan tindak balas pihak kerajaan kepada bantahan orang Cina terhadap Laporan Barnes (1950). Dr. William P. Fenn seorang warga Amerika berasal dari negeri China dan Dr. Wu Teh-Yao, seorang pegawai dari Bangsa-bangsa Bersatu. Mereka diberikan tanggungjawab untuk mengkaji sistem persekolahan vernakular Cina di Persekutuan Tanah Melayu serta mendapat pandangan masyarakat orang Cina terhadap pendidikan masyarakat Cina di negara ini.

Laporan Fenn-Wu.

Berikutan daripada perasaan tidak puas hati kaum Cina terhadap Laporan Barnes tersebut, maka Laporan Fenn-Wu telah diperkenalkan. Di samping mempertahankan kedudukan bahasa Cina, laporan ini juga ditugaskan untuk memberi nasihat tentang penyediaan buku teks sekolah Cina yang berorientasikan kepada Tanah Melayu sebagai satu cara untuk mendekati masyarakat Cina dengan situasi kehidupan Tanah Melayu. Kepimpinan masyarakat Cina pada asasnya ingin mempertahankan kedudukan bahasa Cina. Laporan Fenn-Wu telah diperkenalkan pada tahun 1951 untuk membantah Laporan Barnes. Atas desakan ini, British telah menyatukan kedua laporan tersebut sebagai Ordinan Pelajaran 1952. Ordinan ini menetapkan bahawa penubuhan dua jenis aliran persekolahan, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris. Selain itu, Bahasa Cina dan Tamil akan diajar sebagai bahasa ketiga jika terdapat permintaan daripada ibu bapa dengan syarat terdapat 15 orang dalam sebuah bilik darjah dan Sekolah Cina dan Tamil tidak diterima sebagai sistem pelajaran kebangsaan. Ordinan Pelajaran (1952) bagi membentuk satu corak sistem persekolahan yang menghapuskan Sekolah Vernakular Cina dan Tamil tidak kesampaian disebabkan masalah kewangan pada ketika itu. (Gurnam Kaur Sindhu et al, 2005).

Namun begitu, sehingga tahun 1956, Ordinan 1952 tidak menghasilkan perubahan yang besar kepada hala tuju dan falsafah pendidikan yang boleh memberikan kepuasan kepada semua pihak. Manakala kaum Cina terus menguruskan pendidikan mereka sendiri tanpa campur tangan kerajaan. Walau timbul pelbagai masalah dalam proses mahu melaksanakan Ordinan 1952 ini, pihak British tidak menanggukannya sebaliknya mencuba cara pelaksanaan yang lain. Bagi mencapai tujuan itu, satu Jawatankuasa Khas tentang Pelaksanaan Dasar Pendidikan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu. Laporan Jawatankuasa ini yang juga dikenali sebagai Kertas Putih diterbitkan pada Oktober 1954. Namun begitu seperti yang dijangkakan, perakuan ini ditolak mentah-mentah oleh orang bukan Melayu yang enggan menerima penubuhan kelas aliran kebangsaan di sekolah vernakular. Kertas Putih 1954 ini merupakan percubaan terakhir kerajaan British untuk membentuk sistem sekolah

kebangsaan di Persekutuan Tanah Melayu sebelum campur tangan golongan elit Melayu yang mewakili Parti Perikatan beraliran sekolah Inggeris.

Bagi tujuan itu, Jawatankuasa Fenn-Wu ditugaskan untuk meneliti usaha menyesuaikan sistem persekolahan yang bercorak perkauman dengan sistem persekolahan bercorak 'kebangsaan', bermatlamat merapatkan jurang perbezaan antara kedua-dua sistem persekolahan. Selain itu, jawatankuasa turut diamanahkan memberi nasihat dari segi penyediaan buku teks yang berlatar belakang kehidupan di Tanah Melayu sebagai cara mengasimilasikan orang Cina ke dalam masyarakat Tanah Melayu. Maka melalui Laporan Fenn-Wu (1951), jawatankuasa ini mencadangkan pendidikan negara mesti melibatkan ketiga-tiga bahasa. Sekolah-sekolah Cina akan menggunakan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta Bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar di sekolah Cina dan Tamil. Ia juga menyatakan sekolah-sekolah Cina dan Tamil hanya akan ditutup sekiranya orang-orang Cina dan Tamil sendiri yang membuat keputusan agar sekolah-sekolah berkenaan tidak diperlukan lagi. Pada pandangan mereka sebarang tindakan untuk memaksa rakyat berbilang kaum supaya belajar satu atau dua bahasa utama sahaja akan menjejaskan persefahaman dan perpaduan di antara kaum. Antara cadangan lain yang terkandung dalam Laporan Fenn-Wu ialah matlamat sistem pendidikan mestilah beridentiti masyarakat majmuk, membina maktab perguruan Cina dan menambah bantuan kewangan untuk pendidikan orang Cina. Kelemahan-kelemahan yang dilaporkan dalam kajian mereka ialah pendidikan sekolah Cina dan Tamil masih kekurangan guru terlatih dan kelengkapan sekolah. Maka dengan penambahan bantuan kewangan, pentadbiran sekolah Cina diharapkan akan dapat berjalan dengan lebih lancar.

Walaupun Laporan Fenn-Wu 1952 tidak bersetuju dengan saranan di dalam laporan Barnes berkaitan sekolah kebangsaan berbentuk dwi-bahasa namun, ia juga menolak sebarang usaha untuk memberikan penekanan yang melampau kepada usaha memelihara ciri-ciri kecinaan sekolah Cina. Laporan ini menolak unsur pengaruh politik negara dalam pendidikan apa jua bentuk sekalipun dan mesti dielakkan. Sekolah Cina dan buku teks yang diperkenalkan haruslah bersesuaian untuk kegunaan di Tanah Melayu. Oleh kerana Laporan Fenn-Wu memihak kepada masyarakat Cina maka, laporan ini telah disambut baik oleh orang Cina. Persatuan Pendidikan dan para pendidik di kalangan orang Cina memberikan sokongan kuat kepada laporan ini kerana budaya orang Cina diperuntukkan di tempat yang penting dalam rancangan pendidikan di Tanah Melayu dan berpendapat masanya sudah sampai bagi pihak kerajaan untuk merancang program jangka panjang bagi meningkatkan taraf pendidikan Cina. Namun demikian, laporan ini ternyata mengeruhkan lagi suasana perkembangan pendidikan di Tanah Melayu. Di dalam laporan ini, Fenn-Wu jelas lebih menunjukkan simpati terhadap pendidikan vernakular Cina. Laporan Fenn-Wu tidak dapat diterima oleh pemimpin-pemimpin Melayu, terutamanya dari kalangan pemimpin Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) kerana cadangan itu dilihat sebagai tidak memberikan hak kepada orang Melayu sebagai penduduk asal negara ini.

Pada pandangan pemimpin Melayu, Laporan Fenn-Wu menunjukkan kecenderungan jawatankuasa pada masyarakat bukan Melayu. Laporan ini didapati tidak mempunyai unsur kesinambungan sejarah dan hak mutlak orang Melayu. Jadi, laporan ini dikatakan telah bersifat bias dengan memihak kepada golongan Cina sahaja tanpa mengambil kira penduduk Melayu yang merupakan majoriti di Tanah Melayu. Walaupun British telah bersetuju memperkenalkan Laporan Fenn-Wu untuk mengkaji pendidikan Cina di Tanah Melayu dan sebagai satu usaha bagi menenangkan orang Cina yang menentang Laporan Barnes, hakikatnya pada masa yang sama cadangan Laporan Barnes masih terus diterima bagi memenuhi tuntutan nasionalisme Melayu. Keadaan ini menimbulkan perasaan kurang

senang orang Cina. Mereka mendesak British menerima cadangan yang terkandung dalam Laporan Fenn-Wu. Antara syornya Laporan Fenn-Wu ialah sekolah Cina hendaklah dibenarkan beroperasi dan tidak akan dihapuskan. Bahasa Cina juga tidak akan diabaikan. Sebagai sikap bertolak ansur, orang Cina bersetuju buku-buku teks di sekolah Cina haruslah berorientasikan kepada Tanah Melayu bukan berkiblatkan negara China (Zaid Ahmad et al, 2006).

Laporan Pelajaran Razak 1956

Pada tahun 1955, Parti Perikatan telah memenangi pilihanraya persekutuan. Oleh itu, Kerajaan Perikatan perlu menunaikan janji pilihanraya untuk memberikan satu sistem pelajaran yang sama bagi semua penduduk di Tanah Melayu. Pada tahun yang sama, sebuah Jawatankuasa Pendidikan Tanah Melayu yang dipengerusikan oleh Abdul Razak b. Hussein telah ditubuhkan. Ahli-ahli jawatankuasa terdiri daripada lima belas anggota Majlis Perundangan yang mewakili ketiga-tiga kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Tugas-tugas Jawatankuasa Pendidikan adalah membentuk sistem pendidikan yang dapat diterima oleh semua rakyat kerana kegagalan penyatuan sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh British. Juga dicadangkan supaya Ordinan Pelajaran 1952 dikaji serta dibuat pindaan. Laporan Razak merupakan cadangan pendidikan yang ditulis pada tahun 1956 sebagai salah satu usaha bagi membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Laporan Razak merupakan usaha pertama ke arah memupuk integrasi sosial melalui pendidikan. Beberapa matlamat utama dalam Laporan Razak seperti menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, melahirkan perpaduan kaum, menyediakan kemudahan pelajaran yang mencukupi, mewujudkan sistem pengurusan pendidikan yang berkesan, merapatkan jurang antara kaum, mewujudkan masyarakat yang bertoleransi, berdisiplin, liberal dan progresif serta memenuhi keperluan negara merdeka dan memperkembangkan sistem pendidikan.

Sebagai asas untuk melaksanakan usul Laporan Razak, suatu undang-undang diluluskan iaitu Ordinan Pelajaran 1957. Laporan Razak telah menjadi asas perkembangan pendidikan di Malaysia selanjutnya. Pemimpin aliran Inggeris yang memimpin UMNO percaya konsep pluraliti atau kemajmukan adalah kaedah terbaik menguruskan sistem pendidikan di Tanah Melayu. Selepas memenangi pilihan raya umum pertama Malaya pada Julai 1955, Tun Abdul Razak Hussein telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran di bawah pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Tindakan pertama beliau sebagai Menteri Pelajaran adalah dengan melakukan rombakan terhadap sistem pendidikan penjajah. Jawatankuasa Razak ditubuhkan pada 30 September 1955 untuk mengkaji Ordinan Pelajaran 1952. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Dato Abdul Razak bin Hussein. Hasil kajian jawatankuasa ini terkandung dalam Laporan Razak 1956. Laporan Razak 1956 telah menggariskan pelbagai perkara yang menjadi garis panduan kerajaan dalam melaksanakan sistem pendidikan negara. Tujuan utama Penyata Razak adalah menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa penghantar di sekolah dan juga untuk mengkaji semula sistem pendidikan kebangsaan di Tanah Melayu. Hasil usaha melalui Laporan Razak 1956, beliau berjaya menyepadukan sistem pelajaran untuk membina satu bangsa yang bersatu padu dengan harapan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa pengantar utama.

Sebelum Laporan Razak dikemukakan Jawatankuasa Pendidikan telah bermesyuarat sebanyak lapan kali. Jawatankuasa Pendidikan juga telah mengkaji sejumlah 151 memorandum yang diterima daripada badan-badan masyarakat, persatuan-persatuan dan orang perseorangan. Selain itu, Jawatankuasa Pendidikan telah mengadakan sidang dengan mendengar pandangan-pandangan daripada wakil-wakil kesatuan guru serta jemaah Pengurus Sekolah Cina dan Jawatankuasa

Pendidikan Cina MCA. Jawatankuasa Pendidikan telah menggubal dasar-dasar yang lebih komprehensif, mencakupi Kementerian Pendidikan, Penguasa Pelajaran Setempat, fungsi jemaah nazir, latihan guru dan gaji guru, sistem persekolahan, kurikulum sekolah, peperiksaan, pendidikan lanjutan, dan pendidikan teknik.

Laporan Razak dibentuk seterusnya diluluskan dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada April 1957 dan kemudian dikuatkuasakan sebagai ordinar Pelajaran 1957. Selepas 1957 usaha menyemai unsur-unsur perpaduan melalui satu sistem pendidikan kebangsaan telah dilaksanakan kepada anak Melayu, Cina dan India (Wan Hashim, 1981). Usaha-usaha membina interaksi sosial serta perpaduan masyarakat melalui pendidikan dapat dikenal pasti melalui laporan-laporan pendidikan, ordinar pendidikan, Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diperkenalkan secara berperingkat.

Penyata Razak dengan jelas mengutamakan perpaduan negara sebagai matlamat yang perludicapai. Ini bererti unsure dan nilai perpaduan dijadikan teras dasar pendidikan kebangsaan untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat Malaysia yang merupakan sebuah masyarakat majmuk. Konsep perpaduan dalam konteks negara ini perlu difahami sebagai satu proses yang mengutamakan perpaduan rakyat berbilang kaum selaras dengan prinsip Rukun Negara. Perpaduan yang diwujudkan mestilah berupaya menangkis gejala-gejala yang boleh memecahbelahkan rakyat seperti perkauman, keturunan, agama, bahasa dan sifat kedaerahan.

Bagi mencapai matlamat perpaduan negara melalui sistem pendidikan, Penyata Razak telah menggunakan tiga asas utama iaitu sistem persekolahan yang sama bagi semua, Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat persekolahan dan kurikulum serta peperiksaan sekolah yang sama kandungannya dan bercorak kebangsaan. Perpaduan politik, pembangunan ekonomi dan integrasi sosial telah menjadi kenyataan melalui Laporan Razak 1956 yang mana pembentukan dasar pelajaran kebangsaan yang menekan kepada pendidikan sebagai instrumen telah dicapai. Laporan ini dinamakan Laporan Razak bersempena dengan Menteri Pelajaran ketika itu Hj Abdul Razak Hussein malah beliau juga merupakan pengerusi bagi Jawatankuasa Pendidikan. Jawatankuasa ini mencadangkan Laporan Razak menjadi asas dalam penggubalan Ordinar Pelajaran 1956 yang mengisytiharkan kepentingan perpaduan di pendidikan. Perkara-perkara yang dikaji oleh Jawatankuasa Pendidikan ialah dengan meneliti laporan pendidikan Persekutuan Tanah Melayu yang sedia ada dan mencadangkan pindaan atau penyesuaian yang difikirkan perlu dengan tujuan membina sistem pendidikan kebangsaan dapat diterima oleh semua rakyat.

Pada keseluruhannya dasar yang akan dibina ini perlu memenuhi keperluan-keperluan masyarakat dengan memperkembangkan kebudayaan, kemasyarakatan, ekonomi dan politik mereka sebagai satu bangsa. Kajian juga telah dijalankan oleh jawatankuasa ini untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sistem pendidikan kebangsaan sambil menjamin perkembangan bahasa dan kebudayaan kaum-kaum yang lain di negara ini turut diberi perhatian. Setelah Laporan Razak dikemukakan terdapat beberapa cadangan telah dibuat antaranya ialah keempat-empat sistem persekolahan dalam peringkat sekolah rendah akan terus diadakan, kurikulumnya akan dipinda dan disesuaikan dengan menyerap unsur-unsur kebangsaan ke dalamnya. Sekolah-sekolah ini akan dikelolakan oleh Penguasa Pelajaran Tempatan bersama-sama dengan Jemaah Pengurus Sekolah Rendah atau Lembaga Pengelola Sekolah Menengah di samping menjadikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib bagi semua sekolah. Ini merupakan kali pertama dalam sejarah Tanah Melayu di mana perancangan pendidikan yang telah dirangka untuk semua kaum

dengan ‘impian’ sistem pendidikan yang berbeza. Masih terdapat ketidakpuasan hati segelintir masyarakat Cina kerana mereka berpendapat laporan ini masih menitikberatkan pendidikan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sehingga mengabaikan bahasa Cina.

Objektif Laporan Razak untuk menjadikan Bahasa Melayu (BM) sebagai pengantar di sekolah-sekolah berjaya dilaksanakan. Laporan ini menegaskan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan untuk menyatupadukan rakyat beraneka rupa dan pemikiran. Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah secara langsung berkait rapat dengan usaha pembinaan negara. Bahasa Melayu digunakan dalam konteks untuk membantu perpaduan kebangsaan dan menjadi wahana yang berkesan untuk komunikasi pelbagai kumpulan etnik dan masyarakat pelbagai dialek. Selain itu, Bahasa Melayu juga dapat membantu pembentukan jati diri bangsa Malaysia yang menggunakan bahasa komunikasi yang mudah difahami. Penggunaan Bahasa Melayu tidak menimbulkan isu penghapusan penggunaan Bahasa Cina dan Tamil untuk memelihara identiti etnik minoriti. Penggunaan Bahasa Melayu mampu mewujudkan perhubungan dan persefahaman antara kaum tanpa menimbulkan rasa curiga dari mana-mana pihak. Langkah ini mempercepatkan perpaduan dan keharmonian. Pada tahun 1970, selepas tragedi kaum 1969 penekanan Bahasa Melayu sebagai pengantar dan Bahasa Kebangsaan diperkuat dan dilaksanakan dengan cara yang lebih tegas. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menegaskan penggunaan Bahasa Melayu di semua peringkat bermula dengan aliran sastera kerana banyak buku Bahasa Melayu berbanding aliran sains. Kewujudan konsep ‘sekolah kebangsaan’ seperti yang disyorkan oleh Laporan Razak bertujuan menggalakkan penyatuan pelbagai jenis kaum dalam satu sekolah. Bermula dari titik ini, pelajar dapat memahami adat, budaya, pemikiran dan perkara-perkara sensitif yang tidak boleh diungkit dalam sesebuah kaum.

Laporan Pelajaran Razak 1956 bertujuan mengeratkan perpaduan antara kaum Melayu, Cina dan India sebagai satu rumpun bangsa di Tanah Melayu; Mengembangkan sistem pendidikan agar jurang perbezaan antara kaum dapat dikurangkan; Menyediakan kemudahan pendidikan yang mencukupi untuk melahirkan masyarakat yang berdisiplin, terlatih, liberal dan progresif, dan; Memenuhi keperluan negara yang merdeka dan memperkembangkan sistem pendidikan. Laporan Razak 1956 dilihat cuba mengutamakan perpaduan negara dan nilai perpaduan, perkara yang menjadi teras bagi menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum. Walau bagaimanapun, Laporan Razak tetap mempunyai kelemahannya tertentu dalam memperjuangkan perpaduan kaum. Tekanan yang wujud pada saat itu menjadikan Laporan Razak sebuah laporan yang terlalu berhati-hati untuk menjaga sensitiviti kaum.

Malahan, para pelajar Cina dan India juga akan mengalami masalah dalam menyesuaikan diri menggunakan Bahasa Melayu memandangkan mereka bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan masing-masing yang mengekalkan bahasa Ibunda masing-masing sehinggakan Kelas Peralihan diwujudkan namun masih gagal mengatasi masalah tersebut. Kegagalan untuk menyesuaikan diri ini akan menyebabkan ketinggalan dalam pelajaran terutama bagi kaum India. Segelintir guru-guru sekolah Melayu telah menentang Laporan Pelajaran Razak kerana dikatakan tidak tegas dalam pelaksanaan untuk mengangkat Bahasa Melayu. Laporan Razak yang ada masih mengamalkan sistem persekolahan pelbagai bahasa. Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) menentang Laporan Razak kerana berasa terhina apabila Laporan Razak ditulis dalam bahasa Inggeris. Kaum bukan Melayu, terutama persatuan Guru-guru sekolah Cina tidak berpuas hati dengan Laporan Razak kerana pendidikan, bahasa dan kebudayaan Cina telah diabaikan. Persatuan ini juga mendesak kerajaan supaya semua peperiksaan rasmi yang ditadbir oleh

kerajaan hendaklah menggunakan bahasa rasmi seperti yang digunakan di sekolah masing-masing mengikut jenisnya.

Parti politik Melayu juga turut tidak berpuas hati dengan Laporan Razak yang dikemukakan. Parti Pas misalnya menentang Laporan Razak kerana tiada jaminan bahawa Bahasa Melayu akan dijadikan bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi dalam masa 10 tahun negara mencapai kemerdekaan. Parti Pas juga turut mempertikaikan tentang penggunaan bahasa pengantar yang digunakan di sekolah terbabit secara langsung diiktiraf sebagai bahasa rasmi negara . Manakala People's Progressive Party (PPP), pula mendesak agar bahasa pengantar di sekolah diberi dalam bahasa ibunda, layanan yang sama kepada semua institusi pendidikan dan peluang pekerjaan yang sama bagi semua murid dari sekolah yang diiktiraf. Walaupun terdapat tentangan daripada orang Cina, orang-orang India kebanyakannya menerima Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib di sekolah rendah (Arulnathan,2010). Wakil masyarakat India dalam Majlis Perundangan Persekutuan S.O.K Abdullah memuji Laporan Razak kerana memberi taraf bahasa setiap kumpulan etnik berada di tempat yang sah dalam sistem pelajaran negara. (Haris Md. Jadi .1990)

Laporan Pelajaran Rahman Talib 1960

Bantahan di kalangan orang Melayu dan Cina ini memaksa kerajaan untuk membuat jawatankuasa yang baru bagi mengkaji semula Laporan Razak. Pada 1960, laporan jawatankuasa ini telah siap dan dinamakan Laporan Rahman Talib sempena nama pengerusi jawatankuasa dan Menteri pelajaran ketika itu iaitu Abdul Rahman bin Talib. Pada asasnya, Laporan Rahman Talib (LRT) ini hanya bertujuan untuk memperteguh kan serta memperbaiki matlamat, konsep dan sistem pendidikan yang terkandung dalam Laporan Razak. Laporan Rahman Talib telah memperakui Laporan Razak bahawa pendidikan adalah laluan untuk mencapai perpaduan. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh LRT kemudiannya telah termaktub menjadi Akta Pelajaran 1961. Akta Pelajaran 1961 merupakan satu akta yang didasari oleh sistem pendidikan kebangsaan dan mempromosikan pembangunan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik. Akta ini telah memperkukuhkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Bagaimana pun, penggunaan bahasa Cina dan Tamil masih dibenarkan. Pada tahun 1960, kerajaan telah mengkaji semula Ordinan Pelajaran 1957 melalui jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Abdul Rahman Talib yang akhirnya dikenali sebagai Laporan Rahman Talib (Haris Md Jadi, 1990, Oong Hak Ching, 2000, Asnarulkhadi dan Jayum A. Jawan, 2001). Laporan ini diluluskan pada Ogos 1960 dan dimaktubkan dalam Akta Pelajaran 1961 pada Oktober 1961. Antara perkara penting dalam laporan ini ialah pertama, Sekolah Kebangsaan yang diumumkan terdiri daripada pelajar Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Kedua, Sekolah Jenis Kebangsaan yang umumnya terdiri daripada pelajar Cina dan India, menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala bahasa Cina dan bahasa Tamil dijadikan salah satu matapelajaran sekolah. Laporan ini bertujuan untuk mengkaji semula Laporan Razak dan ia kemudiannya telah diwartakan menjadi Akta Pendidikan 1961. Mengikut Laporan Rahman Talib, kesimpulan yang didapati daripada kajian Jawatankuasa Penyemak Pelajaran ialah kebanyakan cadangan dalam Laporan Razak 1956 telah dilaksanakan dengan lancar di antara tahun 1958 dan 1959. Laporan ini telah diperakui untuk menekankan kepentingan pendidikan sebagai laluan untuk mencapai perpaduan. Kebanyakan cadangan-cadangan dalam Laporan Razak dan laporan Rahman Talib telah dimasukkan ke dalam akta tersebut.

Walaupun pun begitu, Laporan Rahman Talib juga mengenal pasti kelemahan dalam pelaksanaan polisi pendidikan kebangsaan. Selanjutnya, telah mencadangkan beberapa pengubahsuaian dan

pindaan ke atas polisi pendidikan Ordinan Pelajaran 1957. Cadangan-cadangan yang terkandung dalam Laporan Rahman Talib ialah pelajaran sekolah rendah akan diberikan secara percuma dan hanya ada dua buah jenis sekolah sahaja dikekalkan iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan; memperkenalkan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Selain itu dicadangkan perlanjutan tempoh pembelajaran bagi mereka yang tidak layak ke sekolah menengah daripada 12 tahun kepada 15 tahun, penubuhan Sekolah Pelajaran Lanjutan untuk kursus vokasional, menukar nama Sekolah Rendah Umum dan Sekolah Rendah Jenis Umum kepada Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, penekanan kepada pendidikan teknik dan vokasional untuk perkembangan ekonomi, memberi pelajaran agama Islam kepada murid-murid 15, mata pelajaran akhlak kepada murid-murid bukan Islam dan lain-lain. Kerajaan telah dilihat cuba untuk merealisasikan Sistem Satu Pendidikan berdasarkan Laporan Rahman Talib dengan matlamat utamanya untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum dengan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah. Kerajaan telah bertindak dengan mewajibkan semua murid lulus Bahasa Melayu dalam peperiksaan awam, peperiksaan awam menggunakan bahasa rasmi sahaja dan memujuk Sekolah Menengah Cina ditukar kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dengan tawaran memberi bantuan penuh kepada sekolah yang berbuat demikian.

Pendidikan percuma untuk semua murid sekolah rendah yang dilaksanakan pada tahun 1962 telah memberikan implikasi yang besar terutamanya terhadap Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dalam aliran Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina (Mok Soon Sang 1991). Bilangan murid yang belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris semakin bertambah, manakala bilangan murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina semakin berkurang. Oleh kerana Sekolah Pelajaran Lanjutan yang ditubuhkan untuk menampung murid-murid yang tidak berjaya memasuki sekolah menengah tidak mendapat sambutan, sekolah tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan Sistem Pendidikan Aneka Jurusan mulai tahun 1965. Melalui sistem tersebut, semua murid sekolah rendah mendapat peluang memasuki sekolah menengah secara automatik dengan kurikulum yang sama iaitu pelajaran akademik dan mata pelajaran vokasional seperti perdagangan, Sains Rumahtangga, Sains Pertanian dan Seni Perusahaan.

Bagi melancarkan pelaksanaan yang dicadangkan oleh Laporan Pelajaran Rahman Talib 1960 maka semua syor dalam laporan ini kemudiannya telah diwartakan menjadi Akta Pendidikan 1961. Akta ini mendasari sistem pendidikan kebangsaan dan mempromosikan pembangunan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik. Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa Melayu telah diperkukuhkan sebagai bahasa pengantar dalam akta berkenaan. Akta Pendidikan 1961 berasaskan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Kedua-dua laporan berkenaan menekankan kepentingan pendidikan sebagai laluan untuk mencapai perpaduan negara dan penghasilan tenaga kerja rakyat. Laporan Razak 1956 telah menggariskan dua asas utama untuk mencapai matlamat perpaduan negara, iaitu sistem persekolahan yang sama bagi semua dan kurikulum sekolah yang sama kandungannya serta bercorak kebangsaan. Melalui hubungan ini, Laporan Razak tidak memberi penghuraian yang mendalam mengenai cara pelaksanaan untuk menjamin pencapaian matlamat perpaduan melalui pendidikan. Laporan Rahman Talib yang diluluskan pada 1960, telah memperakukan pertukaran semua sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah Cina aliran kebangsaan. Atas kesedaran yang tinggi terhadap masa depan pendidikan negara, Laporan Rahman Talib 1960 telah mencadangkan supaya bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib selain bahasa Inggeris. Cadangannya juga termasuklah pemberian insentif kepada para guru supaya mendapat kelulusan yang baik dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Lantaran itu, Akta Pelajaran 1961 telah dibentuk

dan dirangka agar mampu melonjakkan bidang pendidikan di negara ini. Justeru itu bermula tahun 1962, pendidikan percuma kepada semua pelajar telah dilaksanakan agar semua rakyat tanpa mengira status ekonomi berhak mendapat pendidikan. Selain daripada itu, berkuatkuasa pada tahun 1964, setiap pelajar berhak mendapat pendidikan selama 9 tahun iaitu dari Darjah 1 hingga Tingkatan 3. Pada masa sama, Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) telah diperkenalkan bertujuan untuk menjaga kebajikan seluruh rakyat, di samping meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Laporan Rahman Talib yang diperakukan dalam Akta Pendidikan 1961 telah mengabdikan cita-cita yang terkandung dalam Laporan Razak dan menggariskan hasrat sistem pendidikan kebangsaan yang terdapat sekarang. Akta Pelajaran 1961 telah dibentuk agar mampu melonjakkan bidang pendidikan di negara ini. Akta Pelajaran 1961 adalah berdasarkan kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Laporan Penyata Razak 1956. Asas utama yang dikemukakan oleh laporan tersebut adalah pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Justeru, Akta Pendidikan 1961 diwujudkan untuk melahirkan masyarakat majmuk yang bersatu padu. Akta ini merupakan satu mandat untuk mewujudkan satu sistem pendidikan yang bercorak kebangsaan yang memberi tumpuan atau penekanan kepada:

- (1) penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama
- (2) penggunaan kurikulum yang sama bagi semua sekolah
- (3) pengambilan peperiksaan awam yang sama oleh semua murid.

Tujuan utama sistem pendidikan kebangsaan menekankan perkara-perkara tersebut adalah untuk mewujudkan satu bentuk identiti pendidikan negara yang menyumbang ke arah perpaduan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini. Pendidikan sekolah Inggeris mula dipinggirkan dan fokus utama diberikan kepada Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan menurut peruntukan dalam perlembagaan negara. Aliran sekolah Inggeris yang diambil alih oleh sistem pendidikan kebangsaan mula menggunakan kurikulum kebangsaan berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara. Rentetan dari Akta Pelajaran 1961, pada tahun 1962 semua pelajar mendapat pendidikan percuma yang bertujuan untuk membantu semua rakyat yang miskin dan juga rakyat yang kaya kerana semua orang mendapat hak pendidikan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, adalah bahawa pengamalan ilmu kolonial dan dasar “*laissez-faire*” British telah menyebabkan pembetulan sistem pendidikan vernacular yang didapati tidak mempunyai keseragaman. Kehadiran orang Cina dan India yang membawa bersama identiti etnik dan jati diri mereka, yang turut ingin memastikan kelangsungan identiti, telah kemudiannya menubuhkan sekolah-sekolah Cina dan Tamil secara persendirian tanpa bantuan pihak Inggeris. Sekolah tersebut telah menjadi tempat untuk mereka mempertahankan kebudayaan dan identiti mereka (Haris, 2004). Memandangkan tiada undang-undang atau dasar untuk menentukan hala tuju pendidikan Cina dan Tamil, maka hampir keseluruhan kandungan pengajaran dan kurikulum diambil sepenuhnya daripada negara China atau India. Malahan, guru yang mengajar juga diambil daripada negara China dan India untuk satu jangka masa yang panjang. Justeru itu, ianya menjadi satu faktor mengapa sistem pendidikan vernakular Cina dan Tamil berkembang dengan acuan dan kehendak orang Cina dan India sepenuhnya ketika itu dan menjadikan setiap kumpulan etnik mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri dan disebut sekolah aliran vernakular. Oleh itu, adalah terbukti bahawa etnisiti yang disokong oleh dasar penjajah telah menjadi teras kepada pembentukan sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu. Akibat daripada sistem pendidikan berasaskan etnik, maka telah wujud empat

aliran bahasa, iaitu Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil dalam empat jenis sekolah yang berasingan (Loh, 1975; Wan Hashim Wan Teh, 1981; Syed Husin Ali, 1984 dan Koh, 1999). Sistem persekolahan yang diamalkan oleh setiap kumpulan etnik mempunyai dasar, tujuan, kurikulum, sukatan pelajaran, bahasa pengantar, buku teks, sekolah, latihan perguruan yang tersendiri dan berbeza di antara satu sekolah etnik dengan sekolah etnik lain. Oleh itu, dalam jangka masa panjang, dasar ini telah menjadikan masyarakat homogenous Tanah Melayu mengalami transformasi kepada masyarakat heterogeneous yang merangkumi pelbagai etnik dan budaya. Sebagai implikasi, sistem pendidikan berasaskan etnik yakni system pendidikan vernakular telah diamalkan sehingga kini di Malaysia (Syed Husin Ali, 1984).

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah berasaskan penyelidikan yang dibiayai oleh geran Arus Perdana AP-2017-001/1.